

BAB 2

ORANG CINA DI ZAMAN PENDUDUKAN JEPUN, 1941-1945

Kemaraan pihak Jepun ke Sarawak telah mengubah keadaan politik Sarawak sebagaimana ketibaan James Brooke pada tahun 1839. Zaman ini boleh dikatakan sebagai titik permulaan dalam perubahan suasana politik di Sarawak sehingga akhirnya Sarawak mencapai kemerdekaan. Zaman Pendudukan Jepun merupakan satu era yang tidak dapat dilupakan oleh penduduk Sarawak dan kawasan-kawasan lain yang pernah ditawan oleh pihak Jepun. Ini kerana penduduk hidup dalam kebimbangan, ketakutan dan mengalami penderitaan yang berterusan. Mereka juga hidup dalam serba kekurangan kerana Perang Dunia Kedua telah membawa kepincangan dalam segala segi di Sarawak. Pendek kata keadaan hidup rakyat telah terganggu akibat perang yang berlarutan selama tiga tahun lapan bulan. Orang Cina mengalami keadaan yang paling teruk pada peringkat ini berbanding dengan kaum lain di Sarawak di mana perniagaan, persatuan, sekolah dan segala urusan berkaitan dengan orang Cina terpaksa diberhentikan. Perhubungan antara orang Cina Sarawak dengan saudara mara mereka di Negara China juga telah terputus.¹

PENAKLUKAN JEPUN DI SARAWAK

Perang Dunia Kedua bermula di Pasifik pada 7 Disember 1941 apabila pihak Jepun mengebom Pearl Harbour di Hawaii. Tentera Jepun telah bergerak dengan

pantas menakluki negara-negara di Asia Tenggara.² Unit tentera Jepun telah mendarat di Kota Bharu dan Singora di Tanah Melayu pada 7 dan 8 Disember 1941.³ Sarawak tidak terlepas daripada peperangan ini. Oleh kerana Sarawak merupakan negeri naungan British, maka pihak Jepun juga berperang dengan Sarawak kerana mereka telah mengisytiharkan perang terhadap British, Amerika Syarikat dan sekutunya. Tambahan pula Sarawak merupakan sebuah negeri yang kaya dengan sumber-sumber alam termasuk getah, minyak dan bahan galian yang lain. Tujuan utama Jepun mara ke Sarawak ialah untuk menguasai padang-padang minyak kerana minyak merupakan bekalan utama dalam peperangan.⁴ Dalam hal ini Jeneral Seiken (@ Kiyotaki) Kawaguchi menyatakan:

... a landing would be made at Miri and Seria to capture and secure the oilfield district and airfields in that area. A large part of the force would then re-establish the Miri oilfield ...⁵

Pada 7 Disember 1941 mulalah kelihatan kapal terbang perang Jepun terbang melalui ruang angkasa di bandar Kuching. Pada 16 Disember 1941, pihak Jepun telah mendarat di Miri iaitu kawasan pengeluaran minyak yang diisytiharkan sebagai kawasan perlindungan di Sarawak oleh pihak British⁶ dan berjaya menduduki tempat itu tanpa menghadapi tentangan yang serius daripada pihak British. Sebelum pihak Jepun mendarat di Miri, regimen Punjabi 2/15⁷ telah dihantar ke Lutong dan Miri. Pada 8 Disember 1941, pasukan Regimen Punjabi yang diketuai oleh Major Davies dengan bantuan pakar-pakar dari Eropah sudah berjaya menutup sebahagian daripada telaga minyak di Miri dan sebuah kilang penapisan di Lutong.⁸ Perkakas-perkakas

yang digunakan telah dikumpul dan dibawa ke Singapura. Pada 13 Disember 1941, setelah mengebom dan memusnahkan padang pendaratan di Miri, orang Eropah dan perkakas-perkakas telah dihantar meninggalkan Miri dengan tiga buah kapal iaitu *H.M.S. Lipis*, *H.M.S. Maimuna* dan *S.S. Sinani* menuju ke Kuching.⁹ Namun demikian kapal-kapal itu telah dibom oleh pihak Jepun dan mereka berjaya mendarat di Miri pada 16 Disember 1941.¹⁰

Sebahagian besar penduduk tempatan hanya sedar peperangan sedang berlaku apabila serangan udara berlaku di Kuching pada 19 Disember 1941.¹¹ Sasaran utama pihak Jepun ialah Fort Margherita dan tangki minyak Syarikat Borneo. Dalam serangan ke atas tangki minyak kepunyaan Syarikat Borneo di Jalan Thompson telah mengakibatkan kebakaran merebak di kawasan itu. Dianggarkan bom-bom seberat 200 paun telah dijatuhkan di sekitar Bukit Mata Kuching, Jalan Ban Hock dan Padungan.¹² Meskipun tidak banyak kerosakan yang berlaku, namun seramai kira-kira 30 orang telah terbunuh dan 73 orang awam cedera dalam kejadian itu.¹³ Tentera-tentera Jepun kemudiannya mendarat di Pending dan Kuching menjelang Hari Krismas iaitu pada 24 Disember 1941,¹⁴ setelah tiga bulan Raja Brooke meraikan ulang tahun ke-100 pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak.¹⁵ Sebelum bandar Kuching diduduki oleh pihak Jepun, landasan kapal terbang di Kuching telah terlebih dahulu dibinasakan oleh pihak British menurut arahan daripada pihak berkuasa tentera British di Singapura.

Pada 23 Disember 1941 kelihatan tiga buah kapal terbang Jepun muncul di ruang udara Oya dan Mukah. Bom-bom telah dijatuhkan tetapi tidak berlaku

sebarang kerosakan dan kecederaan.¹⁶ Sibul¹⁷ dan Limbang pula telah jatuh ke tangan tentera Jepun pada 29 Disember 1941.¹⁸ Tentera Jepun di bawah arahan Lt. Mitsui mendarat di Kapit pada akhir bulan Januari 1942¹⁹ dan diikuti dengan kawasan-kawasan lain di seluruh Sarawak. Sarawak jatuh ke tangan pihak Jepun dengan begitu mudah, dalam masa yang singkat. Dengan itu bermulalah zaman pendudukan Jepun di seluruh Sarawak. Raja Vyner Brooke berada di Australia semasa Sarawak diserang oleh pihak Jepun. Di sana beliau telah menubuhkan kerajaan sementara di Sydney dan kemudian berpindah ke London. Pada bulan berikutnya seluruh Pulau Borneo telah ditakluki oleh pihak Jepun.

Dengan itu Sarawak telah menempuh satu zaman kegelapan selama tiga tahun lapan bulan. Pengalaman ini berlaku kerana kelemahan kerajaan British yang menjadi penabung Sarawak.²⁰ Kerajaan British tidak mampu mempertahankan Sarawak dan negeri-negeri naungannya yang lain di Borneo sebagaimana yang termaktub dalam perjanjian tahun 1888 telah memberi peluang kepada Jepun menduduki Sarawak. Lagipun pihak British tidak berusaha dengan serius. Walaupun begitu tidak dinafikan ada juga usaha yang diambil tidak berkesan.²¹

Oleh kerana peperangan yang berpanjangan, segalanya telah menjadi serba kekurangan dan kepincangan.²² Sekolah-sekolah ditutup²³ dan hospital-hospital mengalami masalah kekurangan ubat. Dalam zaman perang, import beras diberhentikan, maka terdapat kekurangan yang nyata dalam bekalan beras. Akibatnya sago dan ubi telah dijadikan bahan makanan gantian. Pihak Jepun juga telah merampas beras daripada kaum Dayak untuk pihak tenteranya. Malahan penduduk

tempatan seperti di Bau telah menggunakan keganasan untuk mendapatkan makanan dengan memukul tauke-tauke kedai dan pekerja-pekerja pula sibuk menuntut gaji untuk membeli barang makanan apabila mendapat berita Jepun mendarat di Kuching.²⁴ Dalam masa itu juga kegiatan ekonomi telah diabaikan dan negeri mengalami kemelesetan. Hasil keluaran Sarawak iaitu getah, lada dan barang-barang eksport lain telah terhenti dan padang-padang minyak telah musnah dalam perang.²⁵ Semua kegiatan hanya tertumpu kepada peperangan sahaja. Masalah-masalah sosial timbul akibat daripada penutupan sekolah-sekolah dan pengangguran berleluasan di Sarawak.²⁶ Persatuan-persatuan yang wujud sebelumnya, khasnya persatuan Cina terbantut dan menyebabkan segala kegiatannya terpaksa diberhentikan. Penduduk tempatan sentiasa dibayangi oleh perasaan gerun terhadap peraturan tentera Jepun yang sering menekankan kekerasan dalam menjatuhkan hukuman. Seluruh penduduk Sarawak hidup dalam ketakutan, kesempitan, penindasan, kebengisan, kezaliman, kelaparan, kesakitan dan kemiskinan yang belum pernah dirasai sebelum ini.²⁷ Orang Cina menerima kesan yang paling teruk waktu itu. Pada masa itu ramai orang Eropah di Sarawak telah melarikan diri ke Australia²⁸ dan tidak kurang juga masih bertahan bersama-sama penduduk tempatan.²⁹

Keadaan-keadaan tersebut telah digambarkan oleh Chong Ah Onn, seorang kakitangan di hospital umum, Kuching melalui artikelnya dalam *The Sarawak Gazette* seperti berikut:

The food situation was becoming more and more seriously affected. In bigger places the problem of famine was a thing which continually increased every day and many died of starvation

especially the poor. In smaller districts the situation was slightly better - where the people had their lands to till and fields to plough. The only trouble was obtaining common salt, fats and clothing.

the people were wearing guni-sack as their regular dress and some had only a portion of their body covered with a piece of a very old cloth. Moreover, a majority of the people were suffering from scabies and tropical ulcers, which were commonly prevalent among both sexes and all ages. These ailments were hard to cure, for there was great lack of essential medicine.³⁰

Sehingga tahun 1944 bekalan barang-barang keperluan tentera Jepun telah terputus. Ini kerana kekalahan demi kekalahan yang dihadapi oleh pihak Jepun di Lautan Pasifik. Dengan itu penduduk Sarawak dipaksa menanam padi secara besar-besaran.³¹ Daripada hasil padi yang diperolehi, 30% diambil oleh pihak Jepun.³² Menjelang tahun 1945, mata wang Jepun menjadi tidak bernilai dan harga barangan semakin meningkat menyebabkan penduduk hidup dalam zaman kesusahan.

Mulai 10 Jun 1945, pihak tentera Australia telah memulakan operasi mereka untuk menghapuskan tentera Jepun di Sarawak. Pada masa itu dianggarkan terdapat seramai 31,000 orang tentera Jepun di Borneo. Setelah menghantar beberapa orang pegawai untuk membuat tinjauan, pihak Bersekutu (tentera Australia dan Amerika) telah menghantar seramai 29,361 orang tentera³³ untuk memulakan operasi menyerang tentera Jepun di seluruh Pulau Borneo. Pihak Jepun menentang dengan hebatnya pada permulaan tetapi mereka berjaya dipatahkan oleh pasukan tentera Australia di bawah arahan Jeneral Douglas MacArthur.³⁴ Berikutannya maklumat tentang penyerahan pihak Jepun disebarkan kepada orang ramai dan kebebasan akan diberi oleh tentera Australia (Lihat Lampiran 10). Selepas pihak Jepun membuat pengisytiharan menyerah kalah tanpa syarat pada 15 Ogos 1945, pihak Bersekutu

telah menjatuhkan risalah memberitahu apa yang harus dilakukan oleh penduduk agar keadaan dapat dikawal. Di antaranya menyeru penduduk menjalankan kegiatan hidup seperti biasa; kakitangan kerajaan, pegawai Bumiputera, ketua kampung dan Kapitan Cina diarahkan menjalankan tanggungjawab menjaga keamanan kawasan mereka sehingga kedatangan pihak Bersekutu.³⁵ Penyerahan tentera Jepun hanya berlaku secara rasmi pada 11 September 1945 apabila Mejar Jeneral Wooten datang ke Kuching untuk menerima dengan rasmi penyerahan tersebut.³⁶ Dengan itu terlepaslah penduduk Sarawak daripada belenggu kesengsaraan selama kira-kira tiga tahun. Pihak berkuasa merancang membina sebuah menara jam di Padungan, Kuching bagi mengingatkan mereka yang terkorban dalam zaman pendudukan Jepun di Sarawak.³⁷

Pada 11 September 1945, pemerintahan Sarawak diambil alih oleh British Borneo Civil Affairs Unit (BBCAU) yang merupakan satu unit kepada Pentadbiran Tentera British (British Military Administration/BMA) sehingga 15 April 1946.³⁸ Kawalan militeri adalah perlu untuk beberapa bulan selepas perang di Sarawak. Masalah pertama yang harus diselesaikan oleh pihak BMA ialah mengorganisasikan pembekalan makanan bagi seluruh penduduk Sarawak. Untuk tujuan ini sebuah gedung telah didirikan bagi mengedarkan beras dan bekalan-bekalan lain yang berkurangan. Catuan makanan juga telah diperkenalkan bagi mengatasi masalah ketidakcukupan bahan makanan.³⁹

Walaupun BMA yang berkuasa di Sarawak lebih kurang tujuh bulan sahaja tetapi keadaan di Sarawak telah banyak dipulihkan dan usaha mereka amat dihargai oleh penduduk tempatan.⁴⁰ Ini dapat dilihat melalui ucapan terima kasih daripada

penduduk Sarawak kepada BMA dalam *The Sarawak Tribune* bertarikh 3 Januari 1946 seperti berikut:

The people of Kuching to express our appreciation of their friendship and help in these, the most critical days in the history of the people of Sarawak. We thank you sincerely for our liberation from the Japanese, and for the friendliness of the average Australian soldier to our people.⁴¹

Dengan itu Sarawak terlepas daripada pendudukan Jepun dan seterusnya diserahkan kembali kepada Raja Charles Vyner Brooke pada bulan April 1946.⁴² Malangnya beliau tidak mampu mempertahankan Sarawak dan kemudian mengambil keputusan menyerahkan Sarawak kepada kerajaan Britain. Mulai 1 Julai 1946 Sarawak telah menjadi sebuah tanah jajahan mahkota British.⁴³

KEHIDUPAN ORANG CINA DALAM ZAMAN PENDUDUKAN JEPUN

Pendudukan Jepun telah menyebabkan kehidupan menjadi tidak teratur dan tidak tenteram. Orang Cina merupakan sasaran utama kekejaman pihak Jepun di Nanyang termasuklah Sarawak. Mereka terpaksa hidup dalam keadaan yang susah dan serba kekurangan. Orang Cina pada masa itu tidak dapat mengetahui nasib dan masa depan mereka di Sarawak.

Keseluruhannya kerajaan tentera Jepun hanya mengawasi kawasan pesisiran pantai Sarawak, bandar-bandar dan pekan yang terletak di tepi sungai. Di kawasan pedalaman hanya diawasi sekali-sekala sahaja. Oleh itu orang Cina di bandar dan kawasan pesisiran pantai adalah lebih terasa keperitaan hidup berbanding dengan

kawasan lain di Sarawak.

Kuching

Menjelang Hari Krismas tahun 1941, tentera Jepun telah berjaya menakluki Kuching, pusat pentadbiran Sarawak. Pihak Jepun telah cuba menakut-nakutkan penduduk tempatan dengan mengedarkan risalah amaran di bandar Kuching pada pagi 24 Disember 1941.⁴⁴ Dalam tempoh pendudukan Jepun di Kuching, orang Cina khasnya paling takut kerana mereka menjadi sasaran penyerangan tentera Jepun. Pihak Jepun menganggap orang Cina sebagai musuh. Ini adalah ekoran daripada peperangan China-Jepun pada tahun 1937. Oleh itu orang Cina telah menutup kedai-kedai mereka dan berpindah ke kawasan pedalaman supaya mengelakkan diri daripada keganasan pihak Jepun.⁴⁵ Berikutannya keadaan ekonomi di Kuching turut merosot.⁴⁶

Pada zaman pendudukan Jepun di Kuching, bekalan makanan menjadi masalah utama. Bekalan beras dikawal oleh pihak Jepun yang hanya membenarkan sedikit beras mengalir ke pasaran. Hasil keluaran tempatan seperti lada, getah dan hasil-hasil hutan juga diambil alih oleh pihak Jepun dengan menetapkan harga yang rendah.⁴⁷ Selain itu perkhidmatan sosial dan perhubungan turut diabaikan.⁴⁸ Pendidikan terhenti akibat daripada penutupan sekolah khasnya sekolah Cina; penjagaan kesihatan disisihkan; kesakitan dan kekurangan zat makanan berleluasan menyebabkan penyakit berjangkit.⁴⁹ Penduduk juga menghadapi kesukaran mendapatkan pakaian dan ubat-ubatan.⁵⁰ Keperluan material semakin sukar

diperolehi dan keadaan amat menyedihkan.

Dalam pada itu pihak Jepun mengadakan kelas-kelas khas untuk penduduk tempatan khususnya orang Cina. Mereka yang dipilih terpaksa menghadiri kelas-kelas tersebut untuk mengikuti pelajaran Jepun.⁵¹ Tujuannya ialah untuk mengubah sikap tidak menyukai orang Jepun dan memupuk perasaan cintakan negara Jepun agar dapat mengurangkan penentangan terhadap mereka.

Penduduk Kuching juga berdepan dengan kekejaman pihak Jepun khasnya di kalangan orang Cina.⁵² Di Kuching, pondok-pondok telah dibina bagi mengawasi orang tempatan. Sesiapa yang melalui pondok itu tanpa memberi hormat akan dihukum, misalnya dipukul dan diterajang. Kawasan Maktab Pengurusan Batu Lintang hari ini adalah pusat kem tentera Jepun dan juga kem tahanan tawaran perang di Sarawak.⁵³ Mereka yang ditangkap kerana disyaki menentang Jepun dihantar ke situ untuk disoal siasat dan diseksa.⁵⁴

Pada akhir tahun 1944 dan awal tahun 1945 tanda-tanda kekalahan Jepun semakin jelas kelihatan. Jepun memerlukan banyak wang untuk perbelanjaan pentadbiran. Dalam keadaan yang terdesak ini telah memaksa Jepun mencetak lebih banyak wang pokok pisang Jepun. Penawaran wang yang berlebihan dalam pasaran menyebabkan kejatuhan nilai mata wang tersebut dan inflasi berlaku dengan teruk sekali.⁵⁵ Akibatnya kehidupan penduduk di Kuching semakin terdesak. Keadaan hidup yang susah mula diperbaiki dengan kedatangan tentera Australia ke Kuching pada September 1945.

Sibu

Sibu ditakluki oleh Jepun pada 29 Disember 1941. Apabila mendapat berita tentera Jepun akan masuk ke Sibu, orang British di sini telah melarikan diri⁵⁶ mencari perlindungan di Kanowit.⁵⁷ Dua kompeni besar di pusat bandar pada masa itu iaitu Borneo dan Sime Darby telah diserbu oleh orang ramai. Mereka merampas segala barang-barang keperluan harian seperti roti, mentega, susu dan beras. Begitu juga gudang-gudang kerajaan turut menjadi sasaran orang ramai.⁵⁸ Terdapat penduduk yang dapat merampas dua atau tiga guni beras. Keadaan di Sibu menjadi tidak tenteram dan kelam-kabut. Kedai-kedai lain yang dipunyai oleh orang Cina juga sentiasa berjaga-jaga. Ada juga yang menutup kedai-kedai mereka buat sementara waktu kerana risau barang-barang mereka juga mungkin dirampas.⁵⁹

Orang Cina di Sibu menghadapi masalah mendapatkan bahan makanan. Oleh itu tiada orang yang sudi menoreh getah tetapi berebut-rebut untuk menanam padi dan ubi yang merupakan bahan makanan utama. Dalam keadaan yang terdesak itu, orang Cina telah menggunakan minyak tanah untuk bertukar dengan beras daripada orang Iban. Pihak Jepun pada masa itu telah menetapkan 30% daripada hasil padi dan sayur-sayuran mesti diberikan kepada mereka. Bahkan sehingga babi peliharaan juga dikenakan syarat tersebut. Dalam itu orang Melayu tempatan turut menolong pihak Jepun menekan orang Cina demi kepentingan mereka sendiri. Keadaan ini menimbulkan kemarahan orang Cina. Mereka berpendapat sikap Jepun agak keterlaluan dan tidak patut. Pendidikan pada tahap awal pendudukan Jepun terputus. Kemudiannya sistem pendidikan dipulihkan semula tetapi tidak lagi mengajar bahasa

Cina, sebaliknya menggunakan bahasa Jepun dalam pengajaran dan pembelajaran. Keadaan ini berlarutan lebih daripada dua tahun.⁶⁰

Pihak Jepun telah menjalankan operasi menangkap mereka yang disyaki anti-Jepun. Dalam hal ini orang Cina menjadi tumpuan pihak Jepun.⁶¹ Pada 15 Ogos 1942, tentera Jepun menurut senarai nama telah menangkap 28 orang Cina yang disyaki menentang pihak Jepun. Di antara mereka termasuklah Teo Chong Loh, Chew Geok Ling (周玉麟), Zhang Yi Wan (张义万), Xu Qing Jiang (许清江), Tan Kiong Kee, Tan Kim Kok (陈金国), Toh Bak Chek (卓木星), Sheng Sim Ling (郑心领) dan Ho Tak Kheng (何达琼). Kesemuanya ditahan selama 33 hari. Dalam pada itu terdapat juga orang Cina yang bekerjasama dengan pentadbiran Jepun.⁶²

Berikutannya dengan kedatangan tentera Bersekutu, lapangan terbang Sibu telah dibomkan.⁶³ Pihak Jepun memaksa orang ramai⁶⁴ membaiki lapangan terbang itu bagi pendaratan tentera Jepun. Orang ramai dikehendaki menanam padi pada sebelah siang dan memperbaiki lapangan terbang pada sebelah malam secara bergilir-gilir.⁶⁵ Pihak Jepun memaksa setiap keluarga bekerja selama sepuluh hari. Dengan itu wujud satu keadaan di mana lapangan terbang dibom pada siang hari dan diperbaiki pada sebelah malam. Pada masa itu bangunan-bangunan di kawasan petempatan Henghua juga dibom dan dimusnahkan semasa pihak tentera Bersekutu mendarat untuk menghalau pihak Jepun dari Sarawak.

Apabila mendapat berita tentera Bersekutu masuk ke Sibu, ramai orang Cina yang menderma makanan dan sayur-sayuran sebagai sokongan kepada pihak Bersekutu. Sokongan ini diberikan dengan harapan pihak Bersekutu akan membantu

membebaskan mereka daripada penderitaan hidup di bawah pentadbiran Jepun. Di kawasan petempatan orang Henghua, lebih kurang dua setengah guni beras dapat dikumpulkan. Beras ini dihantar oleh orang Cina dengan berjalan kaki ke kem tentera Bersekutu yang perjalanannya kira-kira tiga jam. Terdapat juga orang Cina yang menyertai tentera Bersekutu menentang pihak Jepun.⁶⁶

Kapit

Berikutan dengan berlaku Perang Pasifik pada akhir tahun 1941, tentera-tentera Jepun mara ke Sarawak. Berita serangan udara oleh pihak Jepun di bandar utama Sarawak dan kemudian kejatuhannya ke tangan Jepun telah sampai kepada penduduk Cina di Kapit. Mereka berasa gelisah dan takut akan keselamatan nyawa, harta benda serta masalah kekurangan makanan.⁶⁷ Kapit jatuh ke tangan Jepun lebih kurang pada lewat bulan Januari 1942 di bawah arahan Lt. Mitsui. Semua penduduk diarahkan berjumpa dan memberi hormat dengan menundukkan kepala (*kow-tow*) kepada pegawai serta tentera Jepun.⁶⁸ Salah seorang tentera Jepun telah menulis empat perkataan “Penaklukan Tanpa Pertumpahan Darah” (无血战领) dengan tar pada dinding kubu.⁶⁹

Pada masa pendudukan Jepun, segala bentuk perniagaan di Kapit telah terhenti. Perkhidmatan kapal diberhentikan, tiada barang yang diimport ke Kapit. Manakala segala bahan makanan yang ada pula di bawah kawalan ketat pihak Jepun. Penduduk Kapit hidup dalam keadaan yang susah sebagaimana kawasan lain di Sarawak. Setiap orang bergantung kepada pertanian untuk kehidupan mereka.⁷⁰

Mereka menanam padi, sayur-sayuran dan ubi untuk sara diri. Dalam pada itu gula, garam dan kain amat kekurangan. Gula diganti dengan gula Melaka. Pada masa itu juga kekurangan kopi, maka sejenis biji rumput telah digoreng dan dihancurkan menjadi serbuk digunakan sebagai pengganti kopi. Oleh kerana tiada pilihan, mereka terpaksa juga membiasakan diri dengan keadaan hidup yang sebegitu rupa itu.⁷¹

Pada zaman pendudukan Jepun, pelajaran di Kapit tidaklah sama sekali diabaikan, tetapi sekolah yang dibina adalah untuk mengajar bahasa Jepun. Setiap keluarga Cina di Kapit dipaksa membayar wang pampasan atau denda atas tindakan Negara China yang berperang dengan Jepun pada tahun 1937. Terdapat juga sebahagian orang Iban yang dikerah memasuki tentera Jepun. Di samping itu setiap rakyat dipaksa menderma satu tan batu yang dipindahkan ke Sibu untuk membina lapangan terbang.⁷²

Ketika tentera Bersekutu menyerang Jepun di Sarawak, 37 buah kedai dalam dua barisan di Kapit dimusnahkan oleh bom-bom tentera Bersekutu. Penduduk membina rumah atap sementara di tepi sungai dan memulakan semula perniagaan mereka. Keadaan beransur-ansur pulih dan ramai orang yang berpindah dari tempat lain ke Kapit yang menyebabkan penduduknya semakin bertambah.⁷³

Oya

Oya, satu kawasan yang dekat dengan laut di Bahagian Rejang ditakluki Jepun pada 24 Disember 1941. Ketika Jepun datang, semua orang Cina lari ke kampung seperti kampung Bakong. Di situ mereka menumpang di rumah orang Melayu.

Mereka mengupah orang Melanau untuk menjaga rumah-rumah kedai yang ditinggalkan supaya barang-barang mereka tidak dirampas.⁷⁴ Pada masa itu Oya hanya mempunyai sebaris rumah kedai yang dipunyai oleh orang Cina.

Apabila tentera Jepun bertapak di Oya, orang Cina memberi hormat kepada pihak Jepun. Pada masa itu ramai yang dipukul dan ditendang oleh pihak Jepun. Tetapi secara keseluruhannya kecederaan dan kematian akibat keganasan Jepun jarang berlaku kerana penduduk di Oya patuh kepada arahan pihak Jepun.⁷⁵

Penduduk terpaksa hidup bergantung kepada bekalan yang ada pada mereka. Beras yang merupakan makanan ruji utama tidak mencukupi.⁷⁶ Terdapat orang Cina yang sanggup membahayakan diri dengan mengumpulkan beras daripada orang kampung dan kemudian dijual kepada orang Cina lain.⁷⁷ Kain dan pakaian kekurangan sehingga ada yang menggunakan guni sebagai penutup badan. Kekurangan gula dan garam tidak berapa terasa kerana penduduk di situ menghasilkan garam daripada air laut dan membuat gula Melaka sendiri. Rampasan makanan tidak berlaku di situ berbanding dengan Kuching dan Sibul.⁷⁸

Menjelang tahun 1944, penduduk Oya diarahkan menanam padi⁷⁹ di kampung. Mereka berjalan kaki kira-kira satu kilometer dari pekan Oya ke kawasan kampung untuk menanam padi. Terdapat juga orang yang datang dari Dalat semata-mata untuk menanam padi di Oya. Pondok-pondok didirikan masing-masing sebagai rumah rehat. Pada sebelah malam, mereka menumpang di rumah orang Cina di Oya, kerana perjalanan berulang alik dari Dalat ke Oya mengambil masa yang lama.⁸⁰

Pada zaman pendudukan Jepun, kerosakan sedikit sahaja berlaku di Oya.

Bom-bom yang dijatuhkan tidak kena bangunan. Menurut ingatan seorang penduduk tempatan, Mukah dibomkan dan menyebabkan kebakaran berlaku di sini, tetapi keadaan ini tidak berlaku di Oya.⁸¹

Apabila tentera Bersekutu datang, bom-bom digugurkan untuk mengusir pihak Jepun supaya keluar dari kawasan itu. Pada masa itu apabila kedengaran bunyi kapal terbang semua orang melarikan diri dan bersembunyi dalam lubang yang mereka gali di belakang rumah masing-masing. Pada zaman itu di belakang setiap rumah kedai ada disediakan lubang itu yang dibuat daripada kayu dengan tanah di sekeliling dan rumput-rumpai diletakkan di bahagian atas. Semasa kemasukan pihak Bersekutu di Oya, pihak Jepun cuba melarikan diri dengan kapal dari Kuala Oya. Malangnya kapal mereka telah dibom dan ditenggelamkan di kuala Sungai Oya. Sebahagian daripada tentera Jepun mati dan yang lain mengalami kecederaan. Orang tempatan termasuklah orang Cina diarahkan membawa tentera Jepun yang cedera ke Dalat dan kemudian dihantar ke Sibu untuk rawatan.⁸²

Miri

Pada awal pagi 16 Disember 1941, angkatan tentera laut Jepun tiba di pantai Miri. Tentera Jepun mendarat melalui beberapa tempat di sepanjang pantai dari Seria ke Kuala Baram. Tidak ada penentangan berlaku terhadap Jepun kecuali di Tanjong Lobang. Pengawal rumah api telah membunuh dua orang Jepun sebelum dia dibunuh oleh tentera Jepun. Begitu juga di Lutong, seorang polis berbangsa Sikh telah ditembak oleh pihak Jepun. Jepun telah berjaya meletakkan seramai 10,000 tentera

di padang minyak, Miri dalam masa beberapa jam sahaja.⁸³ Miri adalah kawasan pertama yang diduduki oleh tentera Jepun di Sarawak. Ini kerana pihak Jepun ingin menguasai padang-padang minyak di situ.⁸⁴ Tetapi padang-padang minyak telah ditutup oleh pihak British sebelum mereka meninggalkan Miri.⁸⁵

Kehidupan di Miri pada masa itu amat susah kerana kegiatan harian amat terjejas. Perniagaan Cina dirampas dalam keadaan yang huru-hara itu. Bahan makanan dikawal oleh pihak Jepun. Orang Cina menukarkan barang-barang yang ada seperti minyak dan kain sarung dengan beras daripada orang Iban. Manakala pihak Jepun pula merampas beras⁸⁶ daripada orang Iban untuk tentera-tenteranya. Pihak Jepun juga mengarahkan supaya segala kegiatan agama dan pendidikan diberhentikan.⁸⁷ Pendek kata, penduduk hidup dalam kebimbangan dan ketakutan.

Penduduk juga dipaksa belajar bahasa Jepun di sekolah-sekolah yang diubahsuaikan untuk mengajar bahasa Jepun.⁸⁸ Penangkapan dilakukan ke atas mereka yang cuba menentang atau disyaki menentang pihak Jepun. Keadaan ini berlarutan sehingga tentera Bersekutu masuk ke Sarawak.⁸⁹

Marudi

Zaman pendudukan Jepun merupakan satu pengalaman yang tidak akan dapat dilupakan oleh penduduk Cina di Marudi. Pada penghujung tahun 1941, tentera Jepun mula menyerang Sarawak dan dengan cepatnya seluruh Sarawak telah ditakluki oleh pihak Jepun. Pada masa itu orang Cina mengalami hidup yang begitu sukar sekali. Segala kegiatan mereka terhenti seperti kegiatan persatuan, kebudayaan dan

pendidikan.⁹⁰ Bangunan-bangunan persatuan sama ada dirosakkan atau dimusnahkan dan segala urusan terpaksa dihentikan. Sebagaimana di kawasan lain, orang Cina di situ juga menutup kedai-kedai mereka⁹¹ kerana takut barang-barang mereka akan dirampas dalam keadaan kelam-kabut akibat perang.

Keperluan hidup semakin hari semakin berkurangan. Kain, gula, garam, beras dan ubat-ubatan sukar diperolehi kerana dikawal oleh pihak Jepun.⁹² Segala perhubungan luar terputus⁹³ seperti urusan perniagaan yang dijalankan sebelum ini khasnya di antara Marudi dengan Kuching. Penduduk mengalami zaman kegelapan selama lebih kurang empat tahun.⁹⁴

Sarikei

Berdasarkan penyelidikan dan tinjauan yang dibuat, didapati bahawa dalam tempoh pendudukan Jepun di Sarikei, kehidupan harian orang Cina di Sarikei turut terganggu. Beras dan garam berkurangan kerana dikawal oleh tentera Jepun. Ubi dan akar-akar kayu menjadi bahan makanan utama dalam tempoh itu. Bagi keluarga yang sederhana atau lebih kaya, mereka pun setakat mampu makan bubur nasi sahaja. Kain juga sukar diperolehi kerana segala hubungan dengan luar telah terputus. Kain yang sudah lusuh masih bernilai dan boleh digunakan untuk menukar beras dengan orang Iban. Kekurangan bekalan kain menyebabkan ada yang terpaksa menggunakan guni sebagai pengganti kain sarung.⁹⁵

Seperti di kawasan lain, di Sarikei juga dalam tempoh itu pelajaran diberhentikan, perkhidmatan sosial dan kebajikan diabaikan. Penduduk terpaksa

berdepan dengan kesusahan dan penderitaan hidup yang tidak tahu bila akan berakhir. Keadaan di Sarikei hanya mula berubah apabila tentera Bersekutu bertapak di Sarawak.⁹⁶

Kanowit

Keadaan hidup orang Cina di pekan ini juga lebih kurang sama dengan keadaan di tempat-tempat lain di Sarawak tetapi kerosakan pekan ini akibat perang amat kurang berbanding dengan kawasan lain. Setelah Sibu jatuh ke tangan Jepun pada lewat Disember 1941, wanita dan kanak-kanak British meninggalkan Sibu untuk mencari perlindungan di Kanowit.⁹⁷

Tentera-tentera Jepun buat pertama kali menjejak kaki di Kanowit pada 31 Januari 1942. Mereka melawat pekan ini sebelum meneruskan perjalanan ke Kapit. Sejak itu sepanjang zaman peperangan kelihatan tentera Jepun mendarat dan kemudian meninggalkan Kanowit menuju ke destinasi mereka. Tidak ada satu pusat tetap yang disediakan bagi tentera-tentera Jepun di Kanowit.⁹⁸

Berikutan dengan kemaraan Jepun di Sarawak, kesan yang paling dirasai oleh orang Cina di Kanowit ialah kemerosotan perniagaan. Keadaan ini berlaku kerana gangguan laluan perkapalan di antara Sarawak dengan Singapura. Dengan itu barang-barang tidak dapat dieksport dan bahan-bahan keperluan tidak dapat dibawa masuk ke Kanowit. Masalah kekurangan makanan dan pengangguran berleluasan. Tambahan pula Kanowit juga kekurangan tanah untuk menanam padi dan bahan makanan lain seperti ubi. Namun demikian penduduk dipaksa menanam padi, sayur-sayuran, buah-

buahan dan ubi kayu yang dituntut oleh pihak Jepun. Bahan makanan diperlukan oleh pihak Jepun untuk menyara tentera-tentera dan sebagai persiapan mereka berperang dalam hutan pada masa depan.⁹⁹

Pada masa pendudukan Jepun, urusan persatuan Cina terhenti, sekolah Cina ditutup¹⁰⁰ dan segala kegiatan harian turut terjejas. Semua kegiatan pertanian dan penternakan dikawal oleh pihak Jepun. Cukai-cukai baru¹⁰¹ seperti cukai kepala yang membebankan dikenakan ke atas penduduk tempatan oleh pihak Jepun. Di samping itu penduduk, khasnya orang Iban dikerah menyertai tentera Jepun.¹⁰²

Bendera Jepun berkibar di Kanowit sehingga September 1945. Kemunculan kapal terbang pihak Bersekutu di ruang udara Kanowit menandakan penderitaan hidup di sini akan berakhir. Kapal terbang tersebut meronda di kawasan Kanowit sepanjang hari bermula pada bulan Mei dan Jun 1945 kerana mengesan tentera-tentera Jepun. Risalah tentang berita pendaratan pihak Bersekutu di bahagian timur Borneo diedarkan kepada penduduk tempatan. Pada masa yang sama mereka juga diingatkan supaya menjauhkan diri daripada pihak Jepun.¹⁰³

Setelah Jepun meninggalkan Sarawak, Kanowit terpaksa menghadapi pelbagai masalah. Kekurangan zat makanan, penyakit malaria, cirit-birit dan penyakit kulit berleluasan di kalangan penduduk Kanowit. Pekan ini juga terpaksa menghadapi keadaan kekurangan ubat-ubatan, kain, kertas dan kemudahan perhubungan.¹⁰⁴ Keadaan di pekan Kanowit pulih sedikit demi sedikit di bawah BMA.

POLISI JEPUN TERHADAP ORANG CINA

Berikutan dengan kejatuhan Kuching ke tangan Jepun pada 24 Disember 1941, Pentadbiran Tentera Jepun, *Gunseibo* (軍政部), di bawah Lt. Ito telah dibentuk di Sarawak. Tetapi kemudiannya pada tahun 1943, pentadbiran Jepun di Sarawak diambil alih oleh Setno Yamada.¹⁰⁵

Semasa pemerintahan Jepun di Sarawak, mereka telah menubuhkan sebuah badan penasihat yang dipanggil *Ken Sanjikai* (Prefectural Advisory Council) pada 1 Oktober 1943.¹⁰⁶ Badan ini berfungsi memberi nasihat kepada pentadbiran Jepun berhubung dengan masalah politik dan sosial. Ia juga menjadi penghubung antara pentadbiran Jepun dengan tiga bangsa utama (Cina, Melayu dan Dayak) di Sarawak agar hubungan baik sentiasa dipelihara. Semua kaum telah dilantik mewakili badan ini dan mereka dikenali sebagai *Ken Sanji* (ahli majlis). Mereka yang dipilih adalah terdiri daripada orang kenamaan. Dalam masyarakat Cina, Ong Tiang Swee pernah dipilih sebagai *Ken Sanji* tetapi beliau kemudian memohon menarik diri disebabkan usianya sudah lanjut dan diganti oleh anaknya, Ong Kuan Hin (王观兴).¹⁰⁷ Manakala Lee Wing Thong (李永桐) telah dipilih untuk mewakili orang Cina Kantonis di Sarawak.¹⁰⁸

Di samping itu untuk mentadbir Sarawak, pihak Jepun juga membentuk satu pasukan *Jikedan* dan *Kyodohi* (郷土兵) yang ditugaskan untuk mengawal kampung. Jawatan *Bondancho* iaitu sama dengan Pegawai Daerah hari ini juga diperkenalkan di bawah pentadbiran tentera Jepun di Sarawak.¹⁰⁹

Pihak Jepun juga menggalakkan kegiatan berorganisasi berasaskan perkauman

tetapi di bawah kawalan dan pengawasan ketat pihak berkuasa supaya mereka dapat mengawal penduduk Sarawak sambil menjamin keselamatan pentadbirannya. Organisasi seperti itu bertujuan untuk menyatukan rakyat dan menyebarkan semangat kerjasama dengan Jepun.¹¹⁰ Terdapat tiga buah organisasi kaum telah ditubuhkan di Sarawak dengan mendapat galakan daripada pihak berkuasa Jepun. Orang India telah menubuhkan Liga Kemerdekaan India (Indian Independence League/IIL) yang pro-Jepun dan orang Cina dipaksa menubuhkan *Kakeo Kokodai* (United Overseas Chinese/Persatuan Orang Cina Seberang Laut).¹¹¹ Sementara itu orang Dayak pula telah menubuhkan Perimpun Dayak. Pemimpin-pemimpin pertubuhan tersebut dipertanggungjawabkan ke atas tindak tanduk kaum yang dipimpinnya serta mengendalikan kegiatan bagi menggambarkan kesetiaan dan mengadakan acara-acara kebudayaan pada hari perayaan, umpamanya Hari Jadi Maharaja Jepun. Namun demikian pihak Jepun telah mengharamkan pertubuhan yang boleh mencabar kedudukan pentadbiran mereka di Sarawak. Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS)¹¹² yang dipercayai akan menggugat pengaruh dan kuasa mereka di Sarawak telah diharamkan.¹¹³

Polisi Jepun yang cuba berbaik-baik dengan semua kaum di Sarawak bertujuan untuk mendapat sokongan semua kaum dan supaya tidak menimbulkan rasa tidak puas hati serta tentangan terhadap pentadbirannya. Namun demikian tidak dapat dinafikan bahawa pihak Jepun lebih membenci orang Cina kerana orang Cina telah memberi sokongan moral dan kewangan kepada Negara China semasa Perang Sino-Jepun. Oleh sebab itu orang Cina dipandang negatif dan tidak disukai oleh

pihak Jepun.¹¹⁴ Walaupun terdapat penentangan daripada ramai orang Cina sejak permulaannya lagi tetapi pihak Jepun dapat mengekalkan hubungan yang memuaskan dengan orang Melayu dan Iban sehingga awal tahun 1944.

Secara umumnya polisi Jepun terhadap orang Cina di Sarawak boleh dibahagikan kepada dua. Pertama, polisi yang lebih lembut terhadap orang Cina yang berpendidikan Inggeris seperti Ong Tiang Swee di mana pihak Jepun tidak berani mengganggunya. Ini kerana Ong Tiang Swee adalah pemimpin orang Cina yang berpengaruh dan dipercayai oleh masyarakat Cina Sarawak. Beliau juga mempunyai hubungan rapat dengan keluarga Brooke. Polisi keduanya adalah lebih keras berbanding dengan polisi pertama, khasnya ditunjukkan kepada orang Cina yang dianggap sebagai anti-Jepun di Sarawak. Ini termasuklah mereka yang terlibat dalam memberi sokongan kepada Negara China semasa Jepun berperang dengan Negara China pada tahun 1937.

Pihak Jepun menjalankan operasi pembersihan atau *sook ching* terhadap orang Cina di Sarawak.¹¹⁵ Menurut Yoji Akashi, tindakan itu diambil oleh pentadbiran tentera Jepun untuk mengekalkan keamanan kerana takut orang Cina mengangkat senjata menentang tentera Jepun.¹¹⁶ Tentera Jepun melakukan kekerasan terhadap pemimpin-pemimpin Cina yang pernah dan disyaki menunjukkan kesetiaan atau mengambil bahagian dalam kempen anti-Jepun di Negara China. Mereka yang disyaki terlibat telah ditangkap, ditahan dan dipenjarakan. Contoh mereka yang dilayan dengan kejam ialah Chien Chang Poa, selaku Pengerusi Tabung Bantuan Kecemasan China. Khan Ah Chong yang enggan meminta maaf bagi kegiatannya

sebelum perang juga telah dilayan dengan kejam.¹¹⁷ Ngu San Tieh yang disyaki mencuri bendera Jepun dari dewan panggung wayang di Sibu pada bulan Disember 1943 telah ditahan dan diseksa oleh pihak Jepun sehingga mati.¹¹⁸ Orang Cina lain yang turut terlibat telah dibawa ke pejabat *Kempeitai* untuk disoal siasat. Di Sibu, pemimpin-pemimpin Cina yang terlibat dalam Jawatankuasa Pengumpulan Tabung Bantuan Kecemasan China untuk kempen anti-Jepun telah ditangkap dan dipenjarakan selama 33 hari oleh pihak Jepun pada 15 Ogos 1942.¹¹⁹ Mereka termasuklah Teo Chong Loh, Chew Geok Ling¹²⁰ dan lain-lainnya seramai 28 orang. Tindakan Jepun tersebut menjadikan kehidupan orang Cina semakin tertekan dan menderita.

Selain daripada para pemimpin, guru-guru serta golongan intelek di Kuching dan bandar-bandar utama di Sarawak yang disyaki terlibat dalam kegiatan anti-Jepun juga telah ditahan dan diseksa. Orang Cina yang lain termasuklah kakitangan kerajaan, peniaga-peniaga dan pekerja-pekerja juga diarahkan menyertai kelas bahasa Jepun serta menghadiri sesi pemulihan dan sivik yang diaturkan. Ini khasnya dilakukan ke atas guru-guru di Sibu. Sekolah-sekolah Cina diubah dan digunakan untuk mengajar bahasa Jepun di samping sebagai pusat propaganda Jepun.¹²¹ Persatuan-persatuan Cina juga sama ada ditutup atau hanya wujud dari segi namanya sahaja. Sekolah-sekolah Cina dan jawatankuasanya dianggap tidak disukai oleh pihak Jepun. Ini jelas menunjukkan dalam pemikiran pihak Jepun, orang Cina memang merupakan satu golongan yang tidak diterima baik.

Walau bagaimanapun pihak Jepun membenarkan perniagaan orang Cina

diteruskan pada permulaannya tetapi dikawal dengan rapi oleh pihak berkuasa. Menjelang tahun 1944 kebanyakan kedai di Sarawak telah ditutup akibat kekurangan barangan dan makanan untuk dijual. Penduduk Cina telah berpindah ke kawasan luar bandar untuk menjalankan penanaman. Tambahan pula pada masa itu Jepun menggalakkan pengeluaran lebih banyak bahan makanan. Untuk tujuan itu satu perjumpaan telah diadakan di Jakarta pada 24 Ichigatsu (24 Januari) 1944 yang dihadiri oleh lebih 70 ahli pertanian dari Jawa, Sumatera, Tanah Melayu, Borneo, Celebes dan Burma. Langkah menghasilkan lebih banyak makanan itu terbahagi kepada dua. Pertama, menambahkan pengeluaran padi. Kedua, mengeluarkan bahan makanan yang boleh menggantikan padi atau ditambah dengan nasi seperti jagung, kacang, ubi dan sayur-sayuran.¹²² Selain itu pembekuan perdagangan di Sarawak telah membawa implikasi yang buruk kepada peniaga-peniaga, khasnya orang Cina. Di samping dipaksa untuk menjual barang-barang mereka kepada tentera Jepun dengan harga yang rendah, mereka juga mengalami kerugian apabila barang-barang mereka dirampas oleh pihak Jepun.¹²³

Dari segi pentadbiran, pemerintahan Jepun telah mengekalkan corak pemerintahan secara tidak langsung yang diamalkan oleh pemerintahan Brooke. Ketua orang Cina diarahkan terus memimpin orang Cina di Sarawak di mana fungsi utama mereka ialah menyebarkan propaganda terhadap cita-cita murni Jepun untuk melepaskan penduduk tempatan daripada cengkaman imperialis Barat.¹²⁴ Di samping itu orang Cina yang pernah berkhidmat dalam kerajaan Brooke sebelum ini juga dibenarkan meneruskan perkhidmatan mereka, di samping melantik beberapa orang

baru yang dianggap boleh bekerjasama dengan mereka. Ini termasuklah beberapa orang pemimpin Cina yang dikembalikan ke jawatan asal mereka agar dapat membantu pihak Jepun dalam mentadbir masyarakat Cina. Beberapa orang pemimpin yang jujur dan setia kepada kerajaan Brooke telah berusaha mengelakkan diri daripada dilantik semula untuk berkhidmat dengan pihak Jepun, tetapi majoritinya tidak mempunyai pilihan dan terpaksa bekerja dengan Jepun. Orang Cina memandang pemimpin itu sebagai berpaling tadah dan bekerjasama dengan orang Jepun yang dianggap sebagai musuh mereka. Dengan itu kesetiaan dan kejujuran orang Cina terhadap ketua mereka telah semakin berkurangan. Ini kemudian telah menyebabkan berlakunya pergolakan dalam sistem kepimpinan masyarakat Cina.

Semasa pendudukan Jepun orang Cina di seluruh Sarawak dikenakan wang *sook ching* (penebus dosa) atau denda atas pertolongan yang mereka berikan kepada Negara China. Persatuan Orang Cina Seberang Laut di Tanah Melayu telah diberi tugas permulaan mengutip wang sebanyak \$50 juta sebagai wang penebus dosa kerana kegiatan anti-Jepun.¹²⁵ Orang Cina di Kuching pula dikenakan denda \$900,000.00, Sibu sebanyak \$700,000.00 dan Miri berjumlah sebanyak \$300,000.00 sebagai wang *sook ching* atau denda terhadap kegiatan orang Cina semasa Perang Sino-Jepun. Manakala Borneo Utara dijangkakan dapat mengumpulkan wang sebanyak \$1,200,000.00.¹²⁶

Diskriminasi terhadap orang Cina juga dijalankan dalam dasar cukai kepala yang dikenakan ke atas penduduk tempatan. Setiap orang Cina dikenakan cukai kepala sebanyak \$6.00 setahun berbanding dengan penduduk Bumiputera yang cuma

perlu membayar 50 sen setahun.¹²⁷ Orang Cina juga ramai yang dijadikan buruh paksa untuk membina jalan raya dan padang pendaratan kapal terbang perang Jepun. Pada tahun 1945 dianggarkan seramai 3,000 orang Cina dan Jawa yang telah dijadikan buruh paksa ini mati kebuluran di Miri.¹²⁸

Oleh kerana orang Cina sering dicurigai oleh pihak pentadbiran Jepun di Sarawak, kesemua pertubuhan sosial mereka yang wujud sebelum kedatangan Jepun telah diharamkan oleh pihak berkuasa. Sebagai gantinya mereka dipaksa membentuk persatuan yang dinamakan *Kakeo Kokodai*.¹²⁹ Langkah ini adalah bertujuan untuk mengawal aktiviti-aktiviti orang Cina dan memastikan mereka tidak dapat bergerak untuk menentang pihak Jepun.

Pendek kata pihak Jepun mempunyai sikap prejudis terhadap orang Cina di Sarawak. Sebaliknya orang Cina di Sarawak menganggap pihak Jepun sebagai penceroboh tanahair mereka dan harus ditentang. Oleh itu kemaraan pihak Jepun di Sarawak tidak disambut baik malahan orang Cina cuba menjauhkan diri daripada terlibat atau berhubung secara langsung dengan pihak Jepun. Ini disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, orang Cina menganggap pihak Jepun sebagai musuh ketat tanahair mereka. Kedua, orang Cina berasa bimbang dengan pertapakan pihak Jepun di Sarawak, mereka akan membalas dendam terhadap aktiviti-aktiviti orang Cina Sarawak semasa Perang Sino-Jepun.

TINDAKBALAS ORANG CINA TERHADAP PENDUDUKAN JEPUN

Secara umumnya dari segi pemikiran, orang Cina di Sarawak amat membenci

pihak Jepun. Ini kerana tentera Jepun pernah mencero bohi tanahair mereka, Negara China. Namun demikian mereka sebenarnya tidak menunjukkan tentangan secara fizikal terhadap pihak Jepun. Ini kerana orang Cina di Sarawak takut akan peperangan dan juga kebimbangan terhadap kuasa Jepun yang kuat.¹³⁰

Kebimbangan orang Cina adalah disebabkan oleh sokongan moral dan kewangan yang telah disalurkan kepada Negara China semasa pihak Jepun berperang dengan Negara China. Dengan itu orang Jepun menganggap semua bangsa Cina adalah musuh mereka. Ketua-ketua komuniti Cina pernah membantu mengadakan kempen mengutip wang dan mengumpul tenaga dalam membantu kerajaan nasionalis China menentang Jepun. Pemuda-pemudi Cina bimbang mereka akan dikerah menjadi tentera Jepun sebagaimana yang telah pernah berlaku di Taiwan dan Korea. Mereka juga kemungkinan dipaksa menjadi buruh paksa di Sarawak oleh pihak Jepun. Kaum wanita pula bimbang pihak Jepun akan melakukan kejahatan seperti pembunuhan secara beramai-ramai, perkosaan dan penyeksaan secara fizikal sebagaimana yang telah dilakukan oleh pihak Jepun di Negara China. Justeru itu dengan perasaan yang demikian, sepanjang pemerintahan Jepun di Sarawak tidak ramai orang Cina yang sedia bekerjasama dengan pemerintahan Jepun. Pemimpin-pemimpin yang berpengaruh merasakan mereka mengkhianati negara asal sekiranya berbaik-baik dengan pihak Jepun. Dengan itu ramai daripada kakitangan kerajaan yang berbangsa Cina berkhidmat atas dasar terpaksa demi untuk menyara hidup dan tidak kurang juga yang mengambil keputusan untuk berhenti kerja.

Dalam pada itu pihak Jepun juga cuba mendapat sokongan daripada penduduk

Sarawak termasuklah orang Cina dengan propaganda-propaganda dan pelbagai bentuk pujukan. Perhimpunan diadakan dan poster besar ditampal untuk menerangkan kepada semua penduduk bahawa Jepun tidak mempunyai cita-cita sebagai penjajah tetapi bertujuan mengambil alih Sarawak dan kawasan di Asia Tenggara hanyalah untuk membebaskan kawasan tersebut daripada penjajahan kolonial dan membentuk Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya (Greater East Asia Co-Prosperity Sphere/大东亚共荣圈).¹³¹ Dalam hal ini orang Cina Sarawak cuba tidak melibatkan diri di dalamnya. Oleh itu sebahagian besar daripada golongan intelek Cina telah melarikan diri ke kawasan desa dan mereka sanggup meninggalkan kerjaya mereka dan menjadi petani di situ. Tujuan mereka ialah untuk mengelakkan gangguan daripada pihak tentera Jepun serta menjauhkan diri daripada berkhidmat di sekolah, pusat kebudayaan dan terlibat dalam perniagaan yang dikuasai oleh pihak Jepun.

Sementara itu orang Cina dalam kelas pertengahan di Kuching dan Sibu yang tidak mahu ada sebarang perhubungan dengan pihak Jepun mengambil keputusan untuk tinggal di rumah sahaja dan penghidupan mereka bergantung kepada wang simpanan atau jualan harta benda yang dimilikinya.¹³² Orang Cina yang miskin pula berpindah ke kampung atau kawasan pantai di mana mereka hidup bergantung kepada penangkapan ikan dan penghasilan tanam-tanaman sahaja.

Walau bagaimanapun terdapat juga peniaga-peniaga Cina yang terus menjalankan perniagaan dan membuka kedai mereka. Untuk itu mereka terpaksa bekerjasama dan menjalin hubungan persahabatan dengan pihak Jepun supaya

perniagaan mereka terjamin. Khoo Peng Loong (邱炳农),¹³³ misalnya, telah menjalankan banyak perniagaan dengan pihak Jepun di Sibu dan mengumpulkan kuantiti lada yang banyak pada akhir zaman Perang Dunia Kedua yang kemudiannya telah dirampas oleh pihak pembasmi harta benda musuh.¹³⁴ Walau bagaimanapun Khoo Peng Loong telah berjaya membeli berekar-ekar tanah di Sibu hasil daripada perniagaannya semasa pendudukan Jepun.¹³⁵

Pada tahun 1945 pula apabila pihak Bersekutu menjalankan serangan terhadap tentera Jepun di Sarawak, ramai orang Cina yang membantu dalam operasi ini sama ada turut serta dalam rancangan gerakan bawah tanah, sebagai pemberi maklumat kepada pihak Bersekutu atau menyalurkan bantuan bekalan harian kepada tentera Bersekutu.

Kesimpulannya, boleh dikatakan orang Cina pada zaman pendudukan Jepun di Sarawak berpegang kepada sikap seboleh-bolehnya tidak campur tangan atau melibatkan diri dan tidak ingin mempunyai sebarang perkaitan dengan pihak Jepun atau organisasinya. Langkah ini diambil sebagai usaha membebaskan diri daripada kemungkinan penindasan yang dilakukan ke atas mereka dan juga tidak mahu diri mereka dipergunakan oleh pihak Jepun untuk faedah Jepun di Sarawak. Namun demikian tidak dapat dinafikan terdapat sekumpulan kecil yang terpaksa bekerjasama dengan pihak Jepun kerana mereka tiada pilihan.

SEMANGAT NASIONALISME ORANG CINA SARAWAK

Kesan daripada kesempitan hidup semasa pendudukan Jepun telah

menyedarkan orang Cina tentang pentingnya penyatuan di kalangan mereka di Sarawak. Semangat itu sebenarnya telah diinspirasikan oleh serangan Jepun ke atas Manchuria pada tahun 1931¹³⁶ dan seterusnya peperangan yang berlaku di antara Negara China dengan Jepun pada tahun 1937. Meskipun orang Cina di Sarawak boleh dikatakan menerima nasib yang lebih baik berbanding dengan rakan-rakan mereka di Asia Tenggara, namun tidak dapat dinafikan mereka adalah golongan yang menerima kesan yang paling teruk dalam jangka masa tersebut. Kesan ini telah membuat mereka merasa simpati terhadap perjuangan Chiang Kai-shek (蒋介石)¹³⁷ di Negara China. Tambahan pula kegagalan pihak British dalam menyekat kemaraan Jepun di Sarawak dilihat sebagai satu kelemahan dan secara tidak langsung ini telah membuat mereka beralih ke Negara China sebagai orientasi nasionalisme mereka.

Malah apabila tentera Australia memasuki Kuching pada September 1945, mereka mendapati jalan-jalan diaturnya dengan bendera Negara China berbanding dengan bendera pihak British atau Sarawak. Keadaan ini telah mendatangkan perasaan kurang senang di kalangan kaum-kaum lain di Sarawak. Di Saratok, Simanggang dan Betong bendera nasionalis dinaikkan dengan segera setelah bendera Jepun diturunkan sebagai tanda pendaratan dan pengambilan alih oleh orang Cina. Orang Iban tempatan pula mendesak supaya digantikan dengan bendera negeri Sarawak.¹³⁸ Reaksi kurang senang hati yang ditunjukkan oleh orang Iban terhadap keghairahan orang Cina ini menandakan tindakan orang Cina telah membuat penduduk Bumiputera Sarawak merasa kedudukan mereka tercabar. Nampaknya kekalahan pihak Jepun hanya membangkitkan semangat nasionalisme orang Cina

terhadap Negara China dan bukannya Sarawak

Dengan itu boleh dikatakan selepas tiga tahun lapan bulan berperang dan publisiti secara besar-besaran yang dibuat oleh Chiang Kai-shek telah membantu membangkitkan semangat patriotik atau perasaan cintakan tanahair terhadap Negara China di kalangan orang Cina Sarawak.¹³⁹ Orang Cina Sarawak percaya bahawa Negara China telah mengalahkan pihak Jepun dan bom-bom atom tidak lagi bermakna; Chiang Kai-shek telah menang dan berjaya menghalau orang Jepun.

Perasaan patriotik orang Cina Sarawak dapat dilihat melalui kegiatan yang dijalankan sempena menandakan kekalahan pihak Jepun. Mereka masing-masing menubuhkan persatuan untuk melancarkan kempen mencintai negara. Ini termasuklah penubuhan Persatuan Pemuda, membuka sekolah malam, mengadakan perarakan dan pertunjukan kebudayaan, mengasaskan pasukan bola keranjang serta lawatan di antara pemuda-pemudi Sibu dengan Kuching.¹⁴⁰ Di samping itu akhbar Cina juga memainkan peranan dalam menyebarkan semangat mencintai Negara China. Contohnya, *Sibu Chiao Sheng Pau* (诗巫侨声报) telah memainkan peranan di atas. Melalui aktiviti-aktiviti ini, unsur-unsur keChinaaan dapat ditanam di sanubari setiap orang Cina di Sarawak dan mereka berasa megah dengan kejayaan tanahair mereka iaitu Negara China.

Sebagai contohnya, di Kuching, pada 10 Oktober 1945 telah diraikan "Joint Allied Victory and Chinese National Day".¹⁴¹ Pentas rendah dihias dengan bendera nasionalis bersama-sama dengan bendera British dan Australia di mana beberapa orang pemimpin Cina termasuk Ong Tiang Swee telah memberi ucapan kepada orang

ramai. Aktiviti-aktiviti lain juga telah diatur seperti pertandingan sukan, makan malam di rumah Ong Tiang Swee dan pertandingan konsert. Sambutan yang sama juga diadakan di Miri sebelum itu iaitu pada 21 September 1945.¹⁴² Dengan itu boleh dikatakan orang Cina sangat gembira dengan kekalahan pihak Jepun dan ia diraikan secara besar-besaran di seluruh Sarawak. Oleh itu tidak dapat dinafikan bahawa orang Cina di peringkat ini lebih cenderung kepada perkembangan politik di Negara China. Mereka juga telah menunjukkan sikap bersatu padu yang kukuh dan seterusnya berjaya menabur bibit-bibit semangat kebangsaan yang ditunjukkan kepada Negara China di kalangan orang Cina Sarawak secara keseluruhannya.

Selepas pendudukan Jepun, orang Cina lebih cenderung bersatu di bawah satu organisasi berbanding dengan sebelumnya, mereka lebih berminat dengan pertubuhan berlandaskan tujuan ekonomi atau untuk tujuan satu-satu kumpulan loghat. Contoh yang baik ialah penubuhan sekolah di Sarawak. Dari sistem pendidikan yang hanya mementingkan satu-satu kumpulan dialek, ianya telah berubah menjadi Sekolah Chung Hua (中华学校) yang ditubuhkan di seluruh Sarawak. Sekolah itu dikendalikan oleh sebuah badan dan mengajar dalam satu bahasa sahaja iaitu bahasa Mandarin. Generasi yang mendapat pelajaran di Sekolah Chung Hua telah diasuh dengan pemikiran politik yang berorientasikan politik Negara China dan menjadikan mereka lebih ekstrem daripada generasi sebelum zaman pendudukan Jepun.

Dua pertubuhan penting telah ditubuhkan pada tahun 1946 untuk menyalurkan suara hati orang Cina yang mula menuntut hak dalam pentadbiran negeri Sarawak iaitu Persatuan Chung Hua (中华公会) dan Hua Kheow Tshin Nien (Overseas

Chinese Youth Association/华侨青年社). Antara isu-isu yang dibangkitkan oleh kedua-dua pertubuhan itu ialah hak politik orang Cina, hak kerakyatan dan juga pendidikan orang Cina di negeri Sarawak.

Hua Kheow Tshin Nien¹⁴³ telah ditubuhkan di Kuching dan pusat-pusat lain di Sarawak menjelang awal tahun 1946. Pertubuhan itu telah didaftarkan di Kuching pada 25 Mei 1946. Ia juga didaftarkan di Bintulu pada 20 Mac 1946; di Bau pada 3 Mei 1946; di Batu 10 Jalan Penrissen, Kuching pada 11 Jun 1946 dan di Batu Kawa, Kuching pada 22 Ogos 1946.¹⁴⁴ Pertubuhan itu mengandungi pemuda-pemudi Cina yang mewakili para nasionalis Cina yang berhaluan kiri. Pertubuhan ini percaya bahawa sistem pemerintahan demokrasi yang diinginkan oleh mereka lebih berpeluang menjadi kenyataan di bawah kerajaan tanah jajahan. Oleh itu kumpulan ini kemudiannya telah bersedia menyokong penyerahan Sarawak kepada kerajaan Britain.

Empat bulan selepas Jepun menyerah diri, wakil daripada 24 buah persatuan dialek Cina telah dipanggil berhimpun untuk membentuk sebuah pertubuhan pusat Cina di Kuching. Tujuannya memudahkan pentadbiran militeri berhubung secara langsung dengan orang Cina Sarawak daripada dengan sejumlah besar persatuan dialek Cina. Hasilnya Persatuan Chung Hua telah dibentuk. Persatuan Chung Hua didaftarkan di Kuching pada 21 Mei 1946. Persatuan Chung Hua di Bintulu pula didaftarkan pada 1 April 1947 dan Persatuan Chung Hua di Lundu didaftarkan pada bulan September 1947.¹⁴⁵ Ia terlibat dalam merancang kegiatan seperti sambutan Hari Kebangsaan Negara China dan juga berfungsi sebagai perantaraan orang Cina

dengan kerajaan. Melaluinya pandangan secara langsung dapat disalurkan kepada pihak BMA berbanding dengan melalui persatuan dialek Cina yang pelbagai. Orang Cina juga turut menyampaikan masalah mereka yang selama ini kurang ditekankan oleh Dewan Perniagaan Cina kepada Persatuan Chung Hua. Sebagaimana Hua Kheow Tshin Nien, Persatuan Chung Hua juga menyokong penyerahan Sarawak menjadi tanah jajahan British. Kedua-dua kumpulan ini juga menolak sistem Kapitan Cina yang wujud sejak sebelum perang. Namun demikian fungsi Persatuan Chung Hua kemudian diambil oleh Badan Penasihat Cina (Chinese Advisory Board) yang ditubuhkan oleh kerajaan tanah jajahan pada tahun 1947 dan Konsul Cina baru yang dilantik di Kuching oleh kerajaan Nasionalis dari Nanking pada tahun 1948. Dr. Chan Ying Ming yang pernah menjadi Konsul di San Francisco telah tiba di Kuching pada Januari 1948. Golongan peniaga tempatan dengan segera mengumpul wang untuk membina Pejabat Konsul di Kuching. Persatuan Chung Hua dan Dewan Perniagaan Cina mengalu-alukan kedatangan Konsul baru itu dengan menegaskan bahawa beliau akan menjadi wakil orang Cina di Sarawak kepada kerajaan China serta kerajaan tempatan Sarawak.¹⁴⁶

Penubuhan pertubuhan yang menjadi alat untuk menyalurkan nasionalisme orang Cina ini juga berfungsi untuk mengisi kekosongan sistem kepimpinan yang telah dianggap tidak sesuai selepas perang, umpamanya sistem Kapitan Cina dan Kangcu. Satu lagi pertubuhan Cina yang telah berubah fungsinya selepas perang ialah Dewan Perniagaan Cina (Chinese Chamber of Commerce). Sebelum pendudukan Jepun, ia menjadi penghubung antara orang Cina dengan pentadbiran Brooke untuk

menyalurkan hak orang Cina khususnya dalam perdagangan. Pertubuhan itu telah digunakan oleh pentadbir Jepun untuk menyebarkan propaganda mereka, lantas meninggalkan kesan terhadap ahli-ahli yang sebelumnya merupakan orang yang berpengaruh dalam masyarakat Cina. Akibatnya pertubuhan itu kurang berfungsi selepas pendudukan Jepun. Begitu juga dengan pertubuhan-pertubuhan sosial yang berlandaskan kepentingan kumpulan dialek juga telah berubah peranannya selepas perang. Pertubuhan-pertubuhan tersebut tidak lagi dijadikan tempat untuk membincangkan dan menyelesaikan masalah orang Cina tetapi lebih merupakan pusat bagi pemuda-pemudi bermain judi. Perkara ini terjadi kerana hilangnya kepercayaan terhadap generasi tua yang telah bekerjasama dengan pihak Jepun.

Keadaan selepas Perang Dunia Kedua adalah agak tegang kerana terdapat kecurigaan antara kaum terutamanya antara orang Melayu dengan orang Cina.¹⁴⁷ Ini dapat dilihat melalui peristiwa 11 Oktober 1945 yang berlaku di bazar utama, Kuching.¹⁴⁸ Rusuhan kaum itu berlaku kerana rasa tidak puas hati orang Cina terhadap orang Melayu yang telah mendapat layanan baik daripada pihak Jepun. Rasa tidak puas hati sampai ke kemuncak di mana telah berlaku pergaduhan antara orang Cina dengan orang Melayu di Kuching dan kemudiannya merebak ke kawasan lain di Sarawak. Pada kira-kira pukul 9.30 pagi 11 Oktober 1945, lebih kurang 1,000 orang Cina dari seluruh bandar Kuching telah berkumpul di kawasan limbungan Brooke bersedia untuk menyerang masjid-masjid dan kampung-kampung Melayu. Orang Cina menganggap orang Melayu adalah pembelot kepada kerajaan Sarawak dan nekad untuk memberi ajaran kepada mereka. Masjid Negeri Sarawak dijadikan

sempadan bagi orang Cina dan orang Melayu. Ini adalah kerana di bahagian utara masjid letaknya kampung-kampung Melayu sementara ke arah selatan pula ialah kedai-kedai kepunyaan orang Cina. Sesiapa yang menyeberangi sempadan ini akan diserang dan ramai yang tercedera dalam peristiwa itu.

Rusuhan itu diatasi dengan penghantaran pasukan tentera oleh pihak Australia untuk merampas semua senjata perusuh-perusuh dan perintah berkurung dikenakan selama 24 jam di bandar Kuching. Dipercayai di Kuching lebih kurang 100 orang Cina telah terbunuh tetapi segala urusan ini dirahsiakan oleh pihak pentadbiran militeri kerana bimbang kekecohan akan berulang lagi. Terdapat juga pihak yang menyatakan bahawa ketegangan kaum ini hanya dapat dikendurkan apabila Ong Tiang Swee mencapai satu persetujuan dengan Datu Pahlawan (Abang Mustapha Abang Moasili) bahawa orang Cina tidak akan terlibat dalam politik¹⁴⁹ iaitu menghindari orang Cina dari politik Sarawak. Ini mungkin dapat menerangkan kepada kita mengapa pemimpin Cina tidak begitu menonjol atau giat dalam pertikaian tentang isu penyerahan Sarawak kepada kerajaan Britain kemudiannya.

Mengikut R.H.W. Reece, selain daripada ketegangan kaum antara orang Cina dengan orang Melayu, orang India juga terlibat dalam krisis ini. Ramai orang India juga telah dipukul oleh kumpulan orang Cina. Ini disebabkan orang India dianggap sebagai komuniti yang memberi sokongan secara terbuka kepada pihak Jepun melalui Liga Kemerdekaan India. Mengikut seorang pegawai Australia, sebenarnya hanya beberapa orang sahaja di antara mereka adalah subahat dan yang lebih ramai adalah mangsa perasaan perkauman.¹⁵⁰

Melalui pengalaman serangan tentera Jepun di Negara China telah menanamkan perasaan di kalangan orang Cina bahawa orang Jepun adalah satu kaum yang ganas. Dengan kemaraan tentera Jepun, komuniti Melayu di Kuching lebih jelas lagi menjadi sasaran orang Cina. Kehidupan orang Melayu tidak begitu teruk di bawah pemerintahan Jepun dan kehidupan harian tidak banyak terganggu. Ketua-ketua komuniti telah diakui oleh Jepun dan diupah sebagai kakitangan kerajaan serta jarang dikerah sebagai buruh paksa. Oleh itu tidaklah menghairankan jika orang Cina melihat orang Melayu sebagai satu kumpulan istimewa dan tidak sabar-sabar lagi untuk mengajar mereka. Perasaan ini sampai ke kemuncak apabila berlakunya rusuhan kaum di Kuching pada 11 Oktober 1945.

Kegagalan pihak British dalam mempertahankan Sarawak telah memberi laluan kepada pihak musuh mara menyerang wilayah Borneo lainnya. Sebenarnya tidak ada usaha yang serius daripada pihak British untuk menangkis serangan Jepun di Sarawak. Tindakan ini boleh dikatakan sebagai mengkhianati perjanjian 1888 antara Sarawak dan Britain yang meletakkan Sarawak di bawah pentadbiran tentera Jepun. Melihat kembali reaksi penduduk jelaslah orang Cina menunjukkan tindakbalas yang paling menonjol kerana merekalah yang menjadi sasaran kekejaman pemerintahan Jepun di Sarawak. Tanda-tanda penglibatan secara tidak langsung dalam penentangan hanya kelihatan di saat-saat terakhir iaitu tahun 1945 yang dipelopori oleh orang Eropah dalam membentuk gerakan gerila bagi menentang Jepun. Setelah tamat pendudukan Jepun, orang Cina menyerahkan senjata mereka kembali kepada pihak berkuasa dan pada masa itu belum ada tanda pengaruh

komunis wujud di Sarawak. Kesan kepada peristiwa itu telah mencatat satu lagi peristiwa bersejarah dalam perkembangan politik Sarawak di mana pada tahun 1946 telah berlaku satu gerakan anti-penyerahan sebagai tindakbalas penduduk tempatan dalam menyuarakan ketidakpercayaan mereka terhadap pentadbiran British yang gagal melindungi Sarawak daripada serangan luar.

¹ Memang menjadi polisi pihak Jepun yang cuba memutuskan hubungan orang Cina dengan Negara China. Ini bertujuan supaya orang Cina di Seberang Laut tidak ada sebarang kaitan dengan saudara mara mereka di China. Dengan itu orang Cina akan menyokong pentadbiran Jepun. Untuk maklumat lanjut, sila lihat Yoji Akashi, "Japanese Policy Towards the Malayan Chinese 1941-1945", *JSEAS*, Vol. 1, No. 2, September 1970, hlm. 66.

² Mengikut pihak Jepun, Peperangan Asia Timur Raya bertujuan untuk membebaskan Asia Timur daripada cengkaman Amerika, British dan Belanda yang telah merampas kawasan-kawasan Asia. Rujuk *Fajar Asia*, Junigatsu 2603 (Disember 1943), hlm. 453, *Sichigatsu* 2603 (Julai 1943), hlm. 300. Lihat juga *Malai Sinpo*, 21 Jun 2603 (1943), hlm. 1; 27 Ogos 2604 (1944), hlm. 1. Menurut pengumuman Panglima Tentera Jepun, Tomoyuki Yamashita pada Februari 2602 (1942), tujuan Jepun berperang di Asia ialah untuk menghancurkan kuasa Amerika dan Britain serta membentuk Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya. Lingkungan itu berpusat di Jepun dan meliputi Jepun, China, Manchuko, Indochina, Perancis, Siam, Tanah Melayu, Borneo, Kepulauan Hindia Timur, Australia, New Zealand dan India. Rujuk *The Syonan Times*, 21 Februari 2602 (1942), hlm. 2. Lihat juga *The Syonan Times*, 27 November 2602 (1942), hlm. 1. Mohd. Nasir Ismail, "Politik dan Pentadbiran Terengganu Pada Zaman Pemerintahan Jepun", Prof. Madya Dr. Hj. Hashim bin Awang (penyusun), *PESAKA VII*, (Terengganu: Lembaga Muzium Negeri, 1992), hlm. 76.

³ Nik Anuar Nik Mahmud, "Kelantan Dibawah Pentadbiran Tentera Jepun dan Pentadbiran Tentera Thai, 1941-45: Suatu Kajian Sepintas Lalu", *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1982), hlm. 243. Menjelang 12 Disember 1941, tentera Jepun telah menguasai Jitra, Kedah; 16 Disember 1941 menguasai Pulau Pinang; 22 Disember 1941 menguasai Terengganu; 28 Disember 1941 Jepun menduduki Ipoh; 11 Januari 1942 menduduki Kuala Lumpur dan 31 Januari 1942 Johor Bahru pula ditakluki oleh Jepun. Negeri Sembilan ditakluki oleh pihak Jepun pada 14 Januari 1942. Kejatuhan Singapura pada 15 Februari 1942 menandakan bermulanya pendudukan Jepun di seluruh Tanah Melayu. Tarikh tersebut dianggap sebagai "significant date of the History of East Asia and marking the birth of New Malai". *Malai Sinpo*, 15 Januari 2604 (1944), hlm. 1; 12 Februari 2604 (1944), hlm. 2. Untuk kejatuhan Singapura dan keadaan hidup semasa pendudukan Jepun, sila lihat *The Straits Times*, 15 Februari 1946, hlm. 2. *Nanyang Siang Pau*, 26 September 1945, hlm. 2. Keterangan lanjut tentang pendaratan Jepun di Singapura, lihat Louis Allen, *Singapore 1941-1942*, (Singapore: Distributors [s] Pte Ltd, 1977), hlm. 116-120. Rujuk juga Haji Buyong Adil, *Sejarah Singapura*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980), hlm. 124-125. *The Syonan Times*, 21 Februari 2602 (1942), hlm. 3. Untuk penaklukan Jepun di Kedah, Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur dan Johor Bahru, lihat Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict during and after The Japanese Occupation, 1941-1946*, (Singapore: Singapore University Press, 1983), hlm. 18. Penawaran Terengganu oleh Jepun pada 22 Disember 1941 ada dibincangkan oleh Mohd. Nasir Ismail, "Politik dan Pentadbiran Terengganu Pada Zaman Pemerintahan Jepun", hlm. 76. Abdullah Zakaria Ghazali, *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai di Terengganu, 1942-1945*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996), hlm. 22. Mengenai penguasaan Malai (Tanah Melayu) oleh Jepun, lihat *Fajar Asia*, Kugatsu 2603 (September 1943), hlm. 361-362. Lihat juga John Bastin and Robin W. Winks (penyusun), *Malaysia: Selected Historical Readings*, hlm. 298-320.

⁴ C.O. 968/15/7, North Borneo, Sarawak, Brunei, Tonga: Defences, Original Correspondence, 1940-1959, hlm. 11, dipetik dari Daily Telegraph, 14 Julai 1942. Borneo dikategorikan sebagai pulau yang kaya dengan sumber-sumber semulajadi oleh pihak Jepun. Lihat *The Syonan Sinbun*, 31 Disember 2602 (1942), hlm. 2.

⁵ (Imperial War Museum) Box 6 AL 1099: Col. Itsu Ogawa and Lt.-Col. Ino Sei, *Borneo Operations 1941-2*, (Japanese Studies in World War II), hlm. 254, dipetik oleh A.V.M. Horton, "A Note on the British Retreat from Kuching 1941-1942", *Sarawak Museum Journal*, Vol. XXXVI, No. 57 (New Series), December 1986, hlm. 241.

⁶ Pihak British telah menjalankan rancangan melindungi padang-padang minyak di kawasan kekuasaannya termasuklah Miri, Sarawak. Tujuannya ialah untuk mengelakkan pihak musuh memperolehi bekalan minyak dan memastikan bahawa bekalan minyak hanya disalurkan kepada Great Britain dan sekutunya sahaja. C.O. 968/15, North Borneo, Sarawak, Brunei, Tonga: Defences, Original Correspondence, 1940-1959, hlm. 12 dan 20. Lihat juga Report Upon Defence Measures Adopted in Sarawak From June 1941 To the Occupation in December 1941 by Imperial Japanese Force (also an account of the movement of British and Sarawak Military Forces During the Japanese Invasion of Sarawak).

⁷ Regimen Punjabi 2/15 merupakan satu-satunya regimen yang dihantar oleh pihak Britain bagi mempertahankan Sarawak berdasarkan perjanjian yang dibuat pada tahun 1888. Lihat Report Upon Defence Measures Adopted in Sarawak From June 1941 To the Occupation in December by Imperial Japanese Force (also an account of the movement of British and Sarawak Military Forces During the Japanese Invasion of Sarawak).

⁸ *The Sarawak Gazette*, 6 Ogos 1949, hlm. 194.

⁹ *The Sarawak Gazette*, 7 Oktober 1949, hlm. 256; 30 April 1957, hlm. 82. Namun demikian tangki minyak, telaga minyak dan kilang penapis minyak dipulihkan kepada keadaan sebelumnya apabila pihak Jepun berjaya menakluki Sarawak. Lihat *The Syonan Sinbun*, 31 Disember 2602 (1942), hlm. 2.

¹⁰ Bom-bom dijatuhkan ke atas ketiga-tiga buah kapal tetapi hanya kena pada kapal *H.M.S. Lipis*. Serangan ini telah menyebabkan enam mati dan 26 cedera. *The Sarawak Gazette*, 7 Oktober 1949, hlm. 256; 30 April 1957, hlm. 82. Penaklukan Miri oleh pihak Jepun juga ada disebut dalam *The Syonan Sinbun*, 31 Disember 2602 (1942), hlm. 2. *The Sarawak Gazette*, April 1992, hlm. 31. Lihat juga Fong Hon Kah, *A History of the Development of Rajang Basin Sarawak*, hlm. 197. Seria juga ditakluki pada 16 Disember 1941. Ekoran daripada itu, bandar Brunei jatuh ke tangan Jepun pada 22 Disember 1941; Labuan pada 1 Januari 1942; Jesselton pada 6 Januari 1942 dan Sandakan pada 19 Januari 1942. Keterangan lanjut, sila lihat A.V.M. Horton, "A Note on the British Retreat from Kuching 1941-1942", hlm. 241.

¹¹ Meskipun Miri telah jatuh ke tangan Jepun pada 16 Disember 1941, namun kebanyakan penduduk di kawasan lain masih tidak tahu perkembangan yang berlaku. Mulai dari 13 Disember hingga 15 Disember, beberapa buah kapal terbang Jepun kelihatan melintasi ruang udara Kuching yang dipercayai membuat tinjauan di bandar tersebut. Oleh kerana tiada sebarang serangan yang dibuat, maka ramai penduduk tempatan mengandaikan kapal terbang itu adalah kepunyaan pihak British. Pada tengahari 19 Disember 1941 Kuching telah diserbu oleh 17 buah kapal terbang Jepun. *The Sarawak Gazette*, 31 Mac 1957, hlm. 60; 30 April 1970, hlm. 75; 31 Oktober 1980, hlm. 185. *Sarawak Annual Report 1947*, hlm. 2. Lihat juga Personal Report by the Secretary for Defence and Director of Air Raid Precautions of the bombing of Kuching on the 19th of December 1941.

¹² Ramai yang mengalami kecederaan dan yang terkorban adalah di kalangan orang Cina kerana kawasan yang terlibat merupakan kawasan kediaman orang Cina. Walau bagaimanapun tidak dapat dipastikan sama ada tindakan pihak Jepun itu adalah disengajakan atau secara kebetulan. *The Sarawak Gazette*, 7 November 1949, hlm. 291; 31 Mac 1957, hlm. 60.

¹³ *The Sarawak Gazette*, 30 April 1970, hlm. 75. Lihat juga *The Sarawak Gazette*, 31 Mac 1957, hlm. 60.

¹⁴ Pada malam 23 Disember 1941, berita disebarkan bahawa armada tentera Jepun sedang menuju ke Kuching dari Miri. Pasukan pertama tentera Jepun tiba di Kuching kira-kira pukul 4.00 petang pada 24 Disember 1941 dan seterusnya beberapa ratus tentera Jepun mendarat di Kuching pada

tengahari Hari Krismas. Tentera Jepun mara ke Kuching melalui dua arah iaitu dari Sungai Santubong dan Sungai Salak. *The Sarawak Gazette*, 7 Disember 1949, hlm. 317-319, 7 Februari 1950, hlm. 38. *The Syonan Shinbun*, 31 Disember 2602 (1942), hlm. 2. *Sarawak Annual Report 1947*, hlm. 2. Lihat juga Vernon Mullen, *The Story of Sarawak*, hlm. 67.

¹⁵ Ia diraikan secara besar-besaran di seluruh Sarawak khasnya Kuching yang dapat memperlihatkan sambutan penduduk tentang pemerintahan Brooke selama ini. Lihat *See Hua Daily News*, 19 September 1996, hlm. 8.

¹⁶ Dua bom telah dijatuhkan oleh pihak Jepun di Oya pada 3.30 petang, 23 Disember 1941. Beberapa minit kemudian kapal terbang Jepun mendarat di Mukah dan menjatuhkan tiga bom tanpa menyebabkan sebarang kerosakan atau kecederaan. *The Sarawak Gazette*, 7 November 1949, hlm. 291. Lihat juga *The Sarawak Gazette*, 30 April 1970, hlm. 75.

¹⁷ Pada 25 Disember 1941, Sibu telah dibom oleh empat kapal terbang perang Jepun. 11 bom telah dijatuhkan dan empat orang terbunuh. Report upon Defence Measures Adopted in Sarawak From June 1941 To the Occupation in December 1941 by Imperial Japanese Forces (also an account of the movement of British and Sarawak Military Forces During the Japanese Invasion of Sarawak). Lihat juga *The Sarawak Gazette*, 30 April 1970, hlm. 75.

¹⁸ *The Sarawak Gazette*, 7 November 1949, hlm. 291.

¹⁹ Maklumat lanjut, sila lihat *The Sarawak Gazette*, 30 April 1956, hlm. 94.

²⁰ *Utusan Sarawak*, 12 September 1949, hlm. 3.

²¹ Tidak dapat dinafikan bahawa pihak British ada menjalankan langkah-langkah untuk mempertahankan Sarawak namun kurang berjaya. Contohnya, penubuhan Jabatan Air Raid Precaution (di bawah pengendalian Majlis Perbandaran, Pengarah Jabatan Kerjaraya, Ketua Pegawai Kesihatan, Ketua Polis Sarawak dan Setiausaha Hal-Ehwal Anak Negeri) tidak dapat membantu dalam menyekat serangan pihak musuh kerana latihan yang diberi bukan latihan ketenteraan dan senjata-senjata api juga tidak dibekalkan. Sebaliknya yang diberi ialah tali, kayu dan lain-lain yang tidak sesuai dalam menahan kemaraan pihak musuh. Lihat Surat daripada Residen Bahagian Pertama kepada Setiausaha Pertahanan Sarawak yang bertarikh 23 Mei 1960 dalam fail B. 12/2, Muzium Negeri Sarawak.

²² Keadaan ini bukan sahaja berlaku di Sarawak tetapi juga Tanah Melayu dan semua kawasan yang ditakluki oleh Jepun. Lihat *Fajar Asia*, Hachigatsu 2603 (Ogos 1943), hlm. 329.

²³ Sepanjang pendudukan Jepun 17 buah sekolah telah musnah sama sekali, manakala 35 buah lagi telah mengalami kerosakan yang amat teruk akibat daripada pertempuran yang berlaku. Selain itu banyak lagi sekolah yang menerima akibat buruk disebabkan perabot yang dicuri atau bangunan rosak. *Sarawak Annual Report 1948*, hlm. 32. Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 297. Keadaan yang sama juga berlaku di Tanah Melayu sepanjang pendudukan Jepun dari Februari 1942 hingga Ogos 1945. Lihat Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*, hlm. 31.

²⁴ *The Sarawak Gazette*, 30 September 1963, hlm. 221.

²⁵ Berdasarkan laporan H.E.H. Elam, padang minyak di Miri telah "satisfactorily destroyed" pada 15 Disember, 1941. C.O. 968/15/6, North Borneo, Sarawak, Brunei, Tonga: Defences, Original Correspondence, 1940-1959, hlm. 26. Lihat juga *The Malay Mail*, 5 Julai 1946, hlm. 1.

²⁶ Pengangguran bukan sahaja berlaku di Sarawak tetapi juga di semua kawasan yang ditakluki oleh Jepun. Lihat *Min Sheng Pau Press*, 25 September 1945, hlm. 2.

²⁷ *Utusan Sarawak*, 12 September 1949, hlm. 3.

²⁸ Mereka telah meninggalkan Sarikei pada 26 Disember 1941; Dalat dan Mukah pada 24 Disember 1941. Pergerakan mereka daripada penaklukan Jepun di Bahagian Keempat dan Kelima berlaku pada 16 Disember 1941. *Sarawak Annual Report 1948*, hlm. 1. Report Upon Defence Measures Adopted in Sarawak From June 1941 To the Occupation in December 1941 by Imperial Japanese Forces (also an account of the movement of British and Sarawak Military Forces During the Japanese Invasion of Sarawak).

²⁹ Mereka diberi layanan yang buruk dan kebanyakan ditahan di Kem Lintang, Kuching. Mereka diseksa, dipukul dan tidak diberi makanan yang cukup kerana pihak Jepun cuba mengelakkan mereka daripada mempengaruhi penduduk tempatan. *The Sarawak Gazette*, 7 Januari 1950, hlm. 13, 10.

Ogos 1950, hlm 204-205 *Radio Times of Sarawak*, Programmes from 15 December to 28 December 1957, Vol 3, No 26, hlm 28 *The Straits Times*, 4 Januari 1946, hlm 3. Lihat juga Lintang Camp (Official Documents and Papers Collected From The Records of The Civilian Internment Camp at Lintang, Kuching, Sarawak, during the years 1942-1943-1944-1945) Berbanding dengan Sarawak, di Tanah Melayu tentera British seramai 100 ribu dijadikan orang tawanan dalam kem tahanan di Changi dan Sime Road, Singapura. Mereka juga tidak diberi makanan yang cukup dan dikerah menjadi buruh paksa. Mereka juga menerima seksaan yang kejam daripada pihak Jepun. Pada Oktober 1943 seramai 57 orang tahanan telah ditangkap dari Changi kerana disyaki mengambil bahagian dalam meletup tujuh kapal Jepun di pelabuhan Singapura. Mereka telah disiksa dan mengakibatkan 15 orang mati. Lihat *Jajar Asia*, 15 Gogatsu 2603 (15 Mei 1943), hlm 202. *Min Sheng Pau Press*, 8 September 1945, hlm 2. John Bastin and Robin W. Winks (penyusun), *Malaysia: Selected Historical Readings*, hlm 324. Manakala tawaran perang daripada pelbagai bangsa selain British ditahan di Penjara Pudu, Kuala Lumpur. Mereka juga menerima layanan buruk seperti tawanan tentera British. Lihat *Min Sheng Pau Press*, 9 September 1945, hlm 2.

³⁰ *The Sarawak Gazette*, 29 November 1952, hlm 263.

³¹ Pentadbiran Jepun menggalakkan penanaman padi di Kuching dan semua kawasan Sarawak. Lihat *The Syonan Sinbun*, 31 Disember 2602 (1992), hlm 2. Kempenn menanam lebih banyak makanan juga digalakkan oleh Pentadbiran Tentera Jepun di Singapura. Hasil daripada kerjasama petani-petani Cina dan Melayu di Singapura telah berjaya menghasilkan bekalan makanan yang cukup untuk pulau itu khasnya ubi kayu, ubi kentang dan sayur-sayuran. *The Syonan Sinbun*, 9 September 2603 (1943), hlm 2. Kempenn penanaman bahan makanan juga digalakkan oleh pihak Jepun di Kelantan, lihat Nik Anuar Nik Mahmud, "Kelantan Dibawah Pentadbiran Tentera Jepun dan Pentadbiran Tentera Thai, 1941-45: Suatu Kajian Sepintas Lalu", hlm. 258-266.

³² Sibn Foochow Association, *The Eightieth Anniversary of the Foochow Settlement in Sibu, 1901-1900*, hlm 391. Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak: Peranan Utama Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak*, (Kuching: Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, 1989), hlm 43. *Sarawak Annual Report 1961*, (Kuching: Government Printing Office, 1962), hlm 189.

³³ *The Sarawak Gazette*, 1 Julai 1985, hlm 40.

³⁴ R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm 175. *North Borneo and Sarawak*, hlm 22. Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm 42-43. Lihat juga *The Syonan Sinbun*, 31 Ogos 2605 (1945), hlm 2.

³⁵ Untuk maklumat lengkap, sila lihat Lampiran 11.

³⁶ Pada 6 Ogos 1945 dua bandar utama Jepun iaitu Hiroshima dan Nagasaki telah dibomkan oleh pihak Amerika. Berikutannya pihak Jepun telah menjadi lemah dan terpaksa menyerah kalah. Steven Runciman, *The White Rajahs*, hlm 257. *Sarawak Annual Report 1947*, hlm 2. Untuk penyerahan Jepun di Singapura, lihat *The Straits Times*, 13 September 1945, hlm 1. Penyerahan Jepun di Tanah Melayu, lihat *Min Sheng Pau Press*, 5 September 1945, hlm 1; 13 September 1945, hlm 2. Pihak Jepun juga mula menyerah diri di Kluang, Tanah Melayu pada 15 Disember 1945. Lt.-Gen Nagata menyerah diri kepada Lt.-Col. W.B. Thomas. Rujuk *The Straits Times*, 20 Disember 1945, hlm 3.

³⁷ *Chung Wha Journal*, 1 Mac 1950, hlm 4. Di Taman Perkuburan Petagas, Jesselton, Sabah diadakan upacara menyembahyangkan roh-roh bagi 176 orang yang telah terkorban kerana kekejaman pemerintahan Jepun dalam tahun 1944. Lihat *Borneo Pictorial*, Februari 1960, hlm 14.

³⁸ BMA buat pertama kali tiba di Sarawak di bawah Brigadier Eastick pada 11 September 1945. *The Sarawak Tribune*, 3 Januari 1946, hlm 2. BMA juga bertapak di Tanah Melayu dan Singapura. Kedatangan BMA telah memberi sinar harapan baru kepada penduduk di kawasan yang pernah ditakluki oleh pihak Jepun. *The Straits Times*, 29 Oktober 1945, hlm 2. Bagi BMA di Tanah Melayu, lihat *The Straits Times*, 7 September 1945, hlm 1; 17 Oktober 1945, hlm 4. *The Malay Mail*, 7 September 1945, hlm 1.

³⁹ Elizabeth Pollard, *Kuching Past and Present*, (Kuching: Borneo Literature Bureau, 1972), hlm 98. *The Sarawak Tribune*, 3 Januari 1946, hlm 2.

⁴⁰ Pencapaian BMA dalam memulihkan keadaan di Singapura, lihat *The Straits Times*, 5

Oktober 1945, hlm. 3, 27 Oktober 1945, hlm. 4. Untuk polisi BMA di Tanah Melayu pula, lihat *The Straits Times*, 24 September 1945, hlm. 1.

⁴¹ *The Sarawak Tribune*, 3 Januari 1946, hlm. 2.

⁴² Raja Vyner Brooke tiba di Kuching pada 15 April 1946 dan pada keesokannya pentadbiran Sarawak diserahkan kembali kepadanya. *The Sarawak Gazette*, 2 Januari 1947, hlm. 1.

⁴³ Untuk maklumat lanjut, sila rujuk *Sarawak Annual Report 1952*, (Kuching: Government Printing Office, 1953), hlm. 152. Aisah Zainab Mahmud (ed.), *Sarawak: 30 Tahun Merdeka*, (Sarawak: Ensimal Sdn. Bhd. & People's Mirror Sdn. Bhd., 1993), hlm. 7.

⁴⁴ Ada tiga jenis risalah yang telah diedarkan bagi menakutkan orang tempatan daripada bekerjasama dalam menentang Jepun. Pertama dan kedua mengandungi gambar-gambar mangsa peperangan dan ketiga berupa amaran terhadap orang yang bekerjasama dengan orang Eropah dalam kerja-kerja pemusnahan yang dilakukan di Sarawak. *The Sarawak Gazette*, 7 Disember 1949, hlm. 318.

⁴⁵ *The Sarawak Gazette*, 31 Mac 1957, hlm. 60. Maklumat tersebut juga boleh diperolehi melalui temubual dengan seorang orang tua berumur 78 tahun pada 25 April 1997 di Kuching. Orang Cina di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan Sabah juga melarikan diri ke kawasan pedalaman berikutan dengan kedatangan Jepun. Untuk Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan, lihat Tong Jin Chong, 'Pendudukan Jepun di Daerah Kuala Pilah 1942-1945', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985/86, hlm. 27-28. Untuk Sabah, lihat James Eng @ James Mohamad Alin, 'Pendudukan Jepun di Sabah (Borneo Utara), 1942-1945', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1991/92, hlm. 27. Begitu juga keadaan di Kedah, lihat Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), hlm. 100-101. Perkara tersebut juga ada dinyatakan dalam Yoji Akashi, 'Japanese Policy Towards the Malayan Chinese 1941-1945', hlm. 63.

⁴⁶ Begitu juga dengan keadaan ekonomi di Kedah, Pulau Pinang, Mukim Sungkai di Perak dan Selangor pada zaman pendudukan Jepun. Untuk Kedah, lihat Amer bin Ahmad, 'Pengalaman Kedah di bawah Pendudukan Jepun, 1941-1943', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1990/91, hlm. 28-30. Untuk Pulau Pinang, lihat Othman bin Ibrahim, 'Pendudukan Jepun di Pulau Pinang, 1941-1945', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988/89, hlm. 32-35. Untuk Mukim Sungkai, Perak, lihat Noor Azmi Razali, 'Sejarah Pendudukan Jepun di Mukim Sungkai, Perak, 1942-1945', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1986/87, hlm. 32. Bagi Selangor pula rujuk Rohana Ahmad Nor, 'Pendudukan Jepun di Selangor 1941-1945: Aspek Sosial dan Ekonomi', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1990/91, hlm. 48.

⁴⁷ Temubual di Kuching pada 25 April 1997. Keadaan yang sama juga berlaku di Pulau Pinang di mana semua kegiatan ekonomi yang penting dikawal oleh pihak Jepun. Lihat Othman bin Ibrahim, 'Pendudukan Jepun di Pulau Pinang, 1941-1945', hlm. 19. Rujuk juga Yoji Akashi, 'Japanese Policy Towards Malayan Chinese, 1941-1945', hlm. 81. Begitu juga dengan semua industri dan perlombongan di Sabah yang dikawal oleh pihak Jepun. Lihat James Eng @ James Mohamad Alin, 'Pendudukan Jepun di Sabah (Borneo Utara), 1942-1945', hlm. 33.

⁴⁸ Pada masa itu di Kuching bukan sahaja kedai dan bar ditutup tetapi semua teksi telah dituntut oleh sama ada pihak tentera atau kerajaan, maka perkhidmatan pengangkutan untuk orang awam tidak mungkin diadakan. *The Sarawak Gazette*, 30 April 1957, hlm. 81.

⁴⁹ Berdasarkan temubual di Kuching pada 25 April 1997. Keadaan serupa juga dihadapi oleh penduduk di Muar, Johor; Kuala Besut, Terengganu; Sabah; Kota Bharu, Kelantan dan Pulau Langkawi pada zaman pendudukan Jepun. Untuk Muar, Johor, lihat Zanariah Abu Bakar, 'Pendudukan Jepun di Muar, Johor, 1941-1945', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1989/90, hlm. 44. Untuk Kuala Besut, lihat Zaimah Bt. Che Razali, 'Masyarakat Kuala Besut semasa Pendudukan Jepun', Esei AE300, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1979/80, hlm. 37. Untuk Sabah, lihat James Eng @ James Mohamad Alin, 'Pendudukan Jepun di Sabah (Borneo Utara), 1942-1945', hlm. 42. Bagi Kota Bharu, Kelantan pula, sila lihat Mohd. Nawi Abdullah, 'Pendudukan Jepun di Kota Bharu, Kelantan dan Peranannya sebagai Pusat Pentadbiran (1941-1945)', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988/89, hlm. 53. Untuk Pulau Langkawi, lihat

Ismail bin Ibrahim, 'Zaman Jepun di Pulau Langkawi 1941-1945', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977, hlm 91-92. Penduduk Tanah Melayu diserang oleh pelbagai jenis penyakit pada zaman pendudukan Jepun ada disebut dalam Haji Buyong Adil, *Sejarah Singapura*, hlm 125. Lihat juga Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, hlm 100. Kekurangan makanan dan pakaian di Tanah Melayu pada zaman pendudukan Jepun juga dinyatakan dalam A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment, 1942-1948*, (Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, Monograph No. 8, 1979), hlm 8.

⁵⁰ Keadaan yang sama juga berlaku di Sabah, Pulau Langkawi, Kelantan dan Terengganu. Keterangan lanjut tentang Sabah, lihat James Eng @ James Mohamad Alin, 'Pendudukan Jepun di Sabah (Borneo Utara), 1942-1945', hlm 42. Untuk Pulau Langkawi, lihat Ismail bin Ibrahim, 'Zaman Jepun di Pulau Langkawi 1941-1945', hlm 92. Untuk Kelantan, lihat Mohd. Nawi Abdullah, 'Pendudukan Jepun di Kota Bharu, Kelantan dan Peranannya sebagai Pusat Pentadbiran (1941-1945)', hlm 53-54. Bagi Terengganu, lihat Zaimah Bt. Che Razali, 'Masyarakat Kuala Besut semasa Pendudukan Jepun', hlm 18 dan 37. Kekurangan pakaian dalam zaman pendudukan Jepun ada dinyatakan dalam Haji Buyong Adil, *Sejarah Singapura*, hlm 125. Haji Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981), hlm 165. Haji Buyong Adil, *Sejarah Johor*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971), hlm 321.

⁵¹ Maklumat tersebut diperolehi berdasarkan temubual yang dijalankan di Kuching pada 25 April 1997. Semangat kejepunan juga dipupuk di kalangan pelajar-pelajar di Singapura. *The Syonan Times*, 8 Oktober 2602 (1942), hlm. 3. Penduduk Tanah Melayu digalakkan menghadiri kelas bahasa Jepun (*Nippon-Go*). Lihat A.J. Stockwell, *British Policy and Politics during the Malayan Union Experiment, 1942-1948*, hlm. 10. Begitu juga keadaan di Terengganu pada zaman Jepun, lihat Abdullah Zakaria Ghazali, *Pentadbiran Tentera Jepun dan Thai di Terengganu, 1942-1945*, hlm. 61-62.

⁵² Pihak Jepun juga melakukan kekejaman di Tanah Melayu dan Sabah. Pembunuhan beramai-ramai telah dilakukan di perkampungan Cina, E-Lang-Lang tidak jauh dari bandar Titi di Negeri Sembilan. Maklumat lanjut, sila lihat Pauzi Abu Bakar, 'Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1941-1945: Polisi Jepun dan Gerakan-gerakan Nasionalisma', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988/89, hlm. 79. Lihat juga Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 23. Di Ipoh, seorang Cina yang disyaki ahli komunis telah ditembak mati dan ditanam dalam lubang yang digali oleh tentera Jepun. Keterangan lanjut, lihat *China Press*, 8 Mei 1946, hlm 3. Di Sabah, pembunuhan yang paling kejam berlangsung pada 21 Januari 1944 di Petagas. Seramai 176 orang Cina, Dusun dan Suluk telah dibunuh. Tembakan, tangisan dan jeritan ngeri didengar oleh penduduk berhampiran. Maklumat lanjut, sila lihat Maxwell Hall, *Kinabalu Guerillas: An Account of the Double Tenth 1943*, (Hong Kong: Borneo Literature Bureau, 1968), hlm. 136. Lihat juga James Eng @ James Mohamad Alin, 'Pendudukan Jepun di Sabah (Borneo Utara), 1942-1945', hlm. 63-64. Di Muar, Johor dianggarkan pihak Jepun telah membunuh sekurang-kurangnya 6,149 orang (4,493 orang Cina, 551 orang Melayu, 44 orang India dan Ceylon serta Serani) di sepanjang tempoh pendudukannya. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Zanariah Abu Bakar, 'Pendudukan Jepun di Muar, Johor, 1941-1945', hlm. 62-63. Pembunuhan beramai-ramai berlaku di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan oleh Jepun. Seramai 675 orang Cina telah dibunuh pada 16 Mac 1942 di Parit Tinggi. Manakala di Sungai Lui seramai 368 orang Cina dibunuh pada 21 April 1942. Lihat Tong Jin Chong, 'Pendudukan Jepun di Daerah Kuala Pilah 1942-1945', hlm. 31-35. Di Kuala Besut, orang Cina yang disyaki anti-Jepun ditahan beberapa bulan dan kemudian dipancung di Bukit Mek Jertah. Rujuk Zaimah Bt. Che Razali, 'Masyarakat Kuala Besut semasa Pendudukan Jepun', hlm. 15. Di Pulau Langkawi, seorang Cina di Pekan Kuah yang bernama Ah Kew telah dipaku kaki kanannya ke atas sebatang kayu dengan menggunakan paku enam inci kerana gagal menghantar kayu balak kepada pihak Jepun pada masa yang ditetapkan. Lihat Ismail bin Ibrahim, 'Zaman Jepun di Pulau Langkawi 1941-1945', hlm. 25. Untuk kekejaman Jepun di Kota Bharu, Kelantan, lihat Mohd. Nawi Abdullah, 'Pendudukan Jepun di Kota Bharu, Kelantan dan Peranannya sebagai Pusat Pentadbiran (1941-1945)', hlm. 56. Bagi Pulau Pinang, lihat Othman bin Ibrahim, 'Pendudukan Jepun di Pulau Pinang, 1941-1945', hlm. 18.

⁵³ Berdasarkan temubual di Kuching pada 25 April 1997. Orang tahanan dalam kem tersebut

diarahkan menggunakan kata-kata yang ditetapkan yang boleh membayangkan keadaan hidup yang memuaskan dan kebaikan pihak Jepun dalam kad-kad Krismas yang dicetak dan dihantar kepada saudara mereka, walaupun keadaan hidup sebenarnya adalah bertentangan. Ini boleh dikatakan sebagai satu cara di mana pihak Jepun cuba mengurangkan tentangan dan sebaliknya berharap mendapatkan sokongan daripada orang ramai. Maklumat ini juga boleh didapati dalam *Sarawak Annual Report 1947*, hlm. 18 *Sarawak By The Week*, Programmes from 15 December to 28 December 1957, Vol. 3, No. 26, hlm. 28 *The Sarawak Gazette*, 2 September 1946, hlm. 7.

⁵⁴ Begitu juga dengan mereka yang ditangkap di Pulau Pinang juga diseksa oleh pihak Jepun. Rujuk Othman bin Ibrahim, 'Pendudukan Jepun di Pulau Pinang, 1941-1945', hlm. 18. Di Selangor pula, tentera British diseksa dengan kejam di Pusat Tahanan Changi, Singapura. Lihat Rohana Ahmad Nor, 'Pendudukan Jepun di Selangor 1941-1945: Aspek Sosial dan Ekonomi', hlm. 39. Rujuk juga *Min Sheng Pau Press*, 8 September 1945, hlm. 2.

⁵⁵ Temubual di Kuching pada 25 April 1997. Inflasi juga berlaku di Tanah Melayu pada zaman pendudukan Jepun seperti di Pulau Langkawi, Perak, Pulau Pinang, Sabah, Johor dan Negeri Sembilan. Maklumat lanjut tentang keadaan inflasi di Pulau Langkawi, lihat Ismail bin Ibrahim, 'Zaman Jepun di Pulau Langkawi 1941-1945', hlm. 61 dan 101. Untuk Mukim Sungkai, Perak, lihat Noor Azmi Razali, 'Sejarah Pendudukan Jepun di Mukim Sungkai, Perak, 1942-1945', hlm. 34-35. Bagi Pulau Pinang, sila lihat Othman bin Ibrahim, 'Pendudukan Jepun di Pulau Pinang, 1941-1945', hlm. 45. Untuk Sabah, rujuk James Eng @ James Mohamad Alin, 'Pendudukan Jepun di Sabah (Borneo Utara), 1942-1945', hlm. 26-28. Untuk keadaan inflasi di Muar, Johor, lihat Zanariah Abu Bakar, 'Pendudukan Jepun di Muar, Johor 1941-1945', hlm. 46. Bagi Negeri Sembilan, lihat Tong Jin Chong, 'Pendudukan Jepun di Daerah Kuala Pilah 1942-1945', hlm. 55-56. Kejatuhan nilai mata wang Jepun dengan teruk juga ada dinyatakan dalam *Min Sheng Pau Press*, 2 September 1945, hlm. 1.

⁵⁶ Keadaan yang serupa juga berlaku di Mukim Sungkai, Perak berikutan dengan kedatangan pihak Jepun. Rujuk Noor Azmi Razali, 'Sejarah Pendudukan Jepun di Mukim Sungkai, Perak, 1942-1945', hlm. 42.

⁵⁷ Temubual dengan Penghulu Tang Chong Mui (郑宗梅) di Sibu pada 5 Mac 1997. Maklumat ini juga boleh diperolehi dalam *The Sarawak Gazette*, 30 April 1970, hlm. 75.

⁵⁸ Penduduk tempatan di Kuala Besut, Terengganu merompak beras yang disimpan khas oleh kerajaan British di Kedai Hang Lee Chan di Seberang Kastam Kuala Besut. Keterangan lanjut, lihat Zaimah Bt. Che Razali, 'Masyarakat Kuala Besut semasa Pendudukan Jepun', hlm. 12.

⁵⁹ Maklumat diperolehi berdasarkan penyelidikan dan temubual dengan Penghulu Tang Chong Mui di Sibu pada 5 Mac 1997. Rampasan bahan makanan oleh penduduk tempatan juga berlaku di Bau, Kuching. Kedai-kedai Cina dirampas dengan kekerasan ekoran berita kemaraan Jepun ke Sarawak. Maklumat lanjut, lihat *The Sarawak Gazette*, 30 September 1963, hlm. 221. Begitu juga keadaan di Alor Setar, Kedah. Apabila tentera Jepun datang ke Kedah, penduduk Cina telah melarikan diri dari bandar. Kesempatan ini diambil oleh penduduk Melayu dan India untuk menggeledah serta merampas barang-barang dalam kedai Cina. Lihat Yoji Akashi, 'Japanese Policy Towards the Malayan Chinese 1941-1945', hlm. 63.

⁶⁰ Berdasarkan temubual dengan Penghulu Tang Chong Mui di Sibu pada 5 Mac 1997.

⁶¹ Keadaan yang sama juga berlaku di Singapura pada zaman pendudukan Jepun. Di Singapura sehingga bulan Mac 1942, sejumlah 70,699 orang Cina anti-Jepun ditangkap. Di antara mereka ialah ketua-ketua bank, pedagang, orang awam dan pemimpin politik. Ini termasuklah Dr. Lim Boon Keng, pemimpin Cina Singapura; Lim Chong Pang, Ketua Kuomintang Singapura; Wong Kim Geok (nama samaran Lai Tek), Setiausaha Am Parti Komunis Malaya. Kebanyakan orang awam yang ditahan pula dibawa dengan lori-lori ke kawasan kampung untuk dibunuh. Keterangan lanjut, sila rujuk Pauzi Abu Bakar, 'Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1941-1945: Polisi Jepun dan Gerakan-gerakan Nasionalisma', hlm. 78-79. Lihat juga Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 22. Untuk latar belakang dan kegiatan politik Dr. Lim Boon Keng, lihat Stephen Leong, 'The Chinese in Malaya and China's Politics 1895-1911', hlm. 9-10. Di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan, pemimpin-pemimpin National Salvation Movement seperti Lim Kian Kee, Tan Guan Hing dan Lee Loh ditahan. Untuk maklumat lanjut, rujuk Tong Jin Chong, 'Pendudukan Jepun di Daerah Kuala Pilah 1942-1945',

hlm. 27. Pihak Jepun juga menangkap ahli perniagaan Cina di Sabah kerana mereka pernah membantu China berperang dengan Jepun. Keterangan lanjut, lihat Maxwell Hall, *Kinabalu Guerillas*, hlm. 41. Orang Cina di Kuala Besut yang disyaki anti-Jepun juga ditahan oleh tentera Jepun. Lihat Zaimah Bt. Che Razali, 'Masyarakat Kuala Besut semasa Pendudukan Jepun', hlm. 15.

⁶² Berdasarkan temubual dengan Penghulu Tang Chong Mui di Sibu pada 5 Mac 1997.

⁶³ Di Tanah Melayu pula pihak British telah memusnahkan jalan raya, landasan keretapi, jambatan, ladang-ladang dan lombong bijih timah supaya Jepun menghadapi pelbagai rintangan serta kesusahan ketika hendak menakluki Tanah Melayu. Rujuk Noor Azmi Razali, 'Sejarah Pendudukan Jepun di Mukim Sungkai, Perak, 1942-1945', hlm. 31-32.

⁶⁴ Kerahan juga digunakan oleh pihak Jepun di Muar, Johor bagi mendapatkan buruh paksa. Pemuda-pemuda di sini dikerah untuk membina Jalan Keretapi Maut antara Siam dan Burma. Lihat Zanariah Abu Bakar, 'Pendudukan Jepun di Muar, Johor 1941-1945', hlm. 44 dan 60. Di Daerah Kuala Pilah, orang Cina dikerah untuk membina sebuah lapangan terbang di Juasseh. Begitu juga seramai 320 orang Cina dihantar ke Siam untuk membina Jalan Keretapi Muat. Rujuk Tong Jin Chong, 'Pendudukan Jepun di Daerah Kuala Pilah 1942-1945', hlm. 28. Ramai buruh paksa dipilih oleh Jepun untuk pembinaan jalan keretapi maut juga ada dinyatakan dalam Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, hlm. 85-86. Manakala di Pekan Lama, Perak, penduduk tempatan termasuk orang Cina dikerah untuk membaiki jambatan yang dibom oleh pihak British semasa meninggalkan kawasan itu. Rujuk Noor Azmi Razali, 'Pendudukan Jepun di Mukim Sungkai, Perak, 1942-1945', hlm. 55. Di Keningau, Sabah pula pekerja tempatan dan tauke Cina dipaksa membina landasan kapal terbang dan jalan raya. Maklumat lanjut, lihat James Eng @ James Mohamad Alin, 'Pendudukan Jepun di Sabah (Borneo Utara), 1942-1945', hlm. 30. Di Pulau Langkawi, tentera Jepun memaksa penduduk tempatan membina sebuah pangkalan kecil untuk melabuhkan kapal mereka. Lihat Ismail bin Ibrahim, 'Zaman Jepun di Pulau Langkawi 1941-1945', hlm. 22.

⁶⁵ Kaum lelaki Kuala Besut terpaksa berkhidmat kepada Jepun di padang kapal terbang Gong Kedak sekurang-kurangnya seminggu seorang mengikut giliran masing-masing. Lihat Zaimah Bt. Che Razali, 'Masyarakat Kuala Besut semasa Pendudukan Jepun', hlm. 24.

⁶⁶ Temubual dengan Penghulu Tang Chong Mui di Sibu pada 5 Mac 1997.

⁶⁷ *The Sarawak Gazette*, 30 April 1956, hlm. 94.

⁶⁸ Penduduk tempatan di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu juga diarahkan memberi hormat dengan menundukkan kepala kepada pegawai dan tentera Jepun. Rujuk Abdullah Zakaria bin Ghazali, 'Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu, 1942-1945: Pentadbiran Jepun dan Thai', *Jebat*, No. 24, 1996, hlm. 61.

⁶⁹ Berdasarkan temubual dengan Hii Leong Yi (许龙一) serta Chua Ah Lit (蔡阿利) di Kapit pada 14 dan 15 Mac 1997. Maklumat ini boleh juga diperolehi dalam *The Sarawak Gazette*, 30 April 1956, hlm. 94.

⁷⁰ Keadaan yang sama juga berlaku di kalangan penduduk di Mukim Sungkai, Perak dan Kota Bharu, Kelantan dalam zaman pendudukan Jepun. Untuk Mukim Sungkai, Perak, lihat Noor Azmi Razali, 'Sejarah Pendudukan Jepun di Mukim Sungkai, Perak, 1942-1945', hlm. 29. Bagi Kota Bharu, Kelantan pula rujuk Mohd. Nawi Abdullah, 'Pendudukan Jepun di Kota Bharu, Kelantan dan Peranannya sebagai Pusat Pentadbiran (1941-1945)', hlm. 52.

⁷¹ Berdasarkan temubual di Kapit dengan Hii Leong Yi dan Chua Ah Lit pada 14 dan 15 Mac 1997.

⁷² Temubual di Kapit dengan Hii Leong Yi dan Chua Ah Lit pada 14 dan 15 Mac 1997. Pihak Jepun memaksa orang Cina di Pulau Pinang menderma kepada tabung ketenteraan Jepun dan untuk pembelian kapal terbang bagi tujuan peperangan. Mereka telah menderma sebanyak \$10,000.00 kepada Hospital Tentera di Sungai Petani, Kedah dan \$200,000.00 untuk pembelian kapal terbang perang. Lihat Othman bin Ibrahim, 'Pendudukan Jepun di Pulau Pinang, 1941-1945', hlm. 43. Sementara itu orang Cina di Melaka dan Singapura dipaksa menderma sebuah kapal terbang perang dan orang Cina Selangor menderma lima buah kapal terbang perang. Maklumat lanjut, lihat *Malai Sinpo*, 30 September 2603 (1943), hlm. 1. Di Sabah pula orang Cina di Jesselton dipaksa membayar \$400,000.00 manakala

di Sandakan wajib memberikan \$600,000 00 Wang itu digunakan untuk membiayai kos peperangan di Sabah Untuk maklumat lanjut, lihat Maxwell Hall, *Kinabalu Guerrillas*, hlm 41 Perkara tersebut ada juga dinyatakan dalam John Bastin and Robin W Winks (penyusun), *Malaysia: Selected Historical Readings*, hlm 322

⁷³ Maklumat diperolehi melalui temubual dengan Hii Leong Yi dan Chua Ah Lit di Kapit pada 14 dan 15 Mac 1997

⁷⁴ Berdasarkan tinjauan dan temubual dengan penduduk Oya pada 9 serta 10 Mac 1997 Begitu juga dengan keadaan di Kuala Besut Seluruh penduduk melarikan diri berikutan dengan kedatangan Jepun, kecuali dua tiga orang sahaja yang diupah oleh tauke Cina untuk menjaga kedai mereka Lihat Zaimah Bt Che Razali, 'Masyarakat Kuala Besut semasa Pendudukan Jepun', hlm 14

⁷⁵ Tinjauan di sekitar Oya pada 9 dan 10 Mac 1997.

⁷⁶ Kekurangan beras juga berlaku di Tanah Melayu di zaman pendudukan Jepun Untuk Mukim Sungkai, Perak, lihat Noor Azmi Razali, 'Sejarah Pendudukan Jepun di Mukim Sungkai, Perak, 1942-1945', hlm. 44-47. Untuk Kedah, lihat Amer bin Ahmad, 'Pengalaman Kedah di bawah Pendudukan Jepun, 1941-1943', hlm. 30 Lihat juga Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, hlm. 99-100. Untuk Pulau Pinang, rujuk Othman bin Ibrahim, 'Pendudukan Jepun di Pulau Pinang, 1941-1945', hlm. 32-35 Bagi keadaan kekurangan beras di Kelantan, lihat Mohd. Saufi bin Haji Idris, 'Keadaan Ekonomi di Kelantan, 1941-1943', Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1990/91, hlm. 37 dan 74 Untuk Muar, Johor, lihat Zanariah Abu Bakar, 'Pendudukan Jepun di Muar, Johor 1941-1945', hlm. 45. Untuk Negeri Sembilan, lihat Tong Jin Chong, 'Pendudukan Jepun di Daerah Kuala Pilah 1942-1945', hlm. 48. Bagi keadaan di Kota Bharu, Kelantan, lihat Mohd. Nawi Abdullah, 'Pendudukan Jepun di Kota Bharu, Kelantan dan Peranannya sebagai Pusat Pentadbiran (1941-1945)', hlm. 52. Bagi Kuala Besut, Terengganu, lihat Zaimah Bt. Che Razali, 'Masyarakat Kuala Besut semasa Pendudukan Jepun', hlm. 18. Bagi Selangor, lihat Rohana Ahmad Nor, 'Pendudukan Jepun di Selangor 1941-1945. Aspek Sosial dan Ekonomi', hlm. 68 dan 73. Kekurangan makanan di Tanah Melayu turut disebut dalam Haji Buyong Adil, *Sejarah Singapura*, hlm. 125. Haji Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, hlm. 165. Haji Buyong Adil, *Sejarah Johor*, hlm. 321.

⁷⁷ Begitu juga dengan orang Cina di Kuala Besut yang sanggup mencari beras di kampung-kampung apabila berhadapan dengan kesukaran mendapatkan beras. Lihat Zaimah Bt. Che Razali, 'Masyarakat Kuala Besut semasa Pendudukan Jepun', hlm. 18.

⁷⁸ Temubual di Oya pada 9 dan 10 Mac 1997.

⁷⁹ Untuk menambahkan makanan, Jepun menggalakkan penanaman padi di Kuching, Jesselton dan kawasan Sarawak. Rujuk *The Syonan Shinbun*, 31 Disember 2602 (1942), hlm. 2, 24 Jun 2603 (1943), hlm. 2, 9 September 2603 (1943), hlm. 2. Lihat juga Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, hlm. 84. Rancangan itu juga dijalankan di Tanah Melayu. Untuk Kedah, lihat Amer bin Ahmad, 'Pengalaman Kedah di Bawah Pendudukan Jepun, 1941-1943', hlm. 30. Untuk Muar, Johor, lihat Zanariah Abu Bakar, 'Pendudukan Jepun di Muar, Johor 1941-1945', hlm. 45-46. Untuk Kelantan, lihat Mohd. Saufi bin Haji Idris, 'Keadaan Ekonomi di Kelantan, 1941-1943', hlm. 37. Bagi Kota Bharu, Kelantan, lihat Mohd. Nawi Abdullah, 'Pendudukan Jepun di Kota Bharu, Kelantan dan Peranannya sebagai Pusat Pentadbiran (1941-1945)', hlm. 52. Bagi Mukim Sungkai, Perak, lihat Noor Azmi Razali, 'Sejarah Pendudukan Jepun di Mukim Sungkai, Perak, 1942-1945', hlm. 34. Bagi Selangor, lihat Rohana Ahmad Nor, 'Pendudukan Jepun di Selangor 1941-1945: Aspek Sosial dan Ekonomi', hlm. 68. Untuk Pulau Langkawi, lihat Ismail bin Ibrahim, 'Zaman Jepun di Pulau Langkawi 1941-1945', hlm. 68. Begitu juga keadaan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, rujuk Tong Jin Chong, 'Pendudukan Jepun di Daerah Kuala Pilah 1942-1945', hlm. 48.

⁸⁰ Berdasarkan temubual di Oya pada 9 dan 19 Mac 1997.

⁸¹ Berdasarkan temubual di Oya pada 9 dan 19 Mac 1997.

⁸² Berdasarkan temubual di Oya pada 9 dan 19 Mac 1997.

⁸³ *The Sarawak Gazette*, 7 Oktober 1949, hlm. 256.

⁸⁴ Kemaraan Jepun ke Kedah adalah kerana ekonomi padi dan berasnya Kedah juga merupakan pintu masuk utama tentera Jepun ke Tanah Melayu melalui Siam. Lihat Amer bin Ahmad,

'Pengalaman Kedah di bawah Pendudukan Jepun, 1941-1943', hlm. 1 dan 33. Begitu juga penaklukan Pulau Pinang oleh Jepun adalah kerana Pulau Pinang merupakan pangkalan tentera laut dan darat, pusat pengumpulan dan pembahagian barangan untuk kawasan utara Tanah Melayu. Pulau Pinang juga merupakan pelabuhan kedua penting selepas Singapura. Keterangan lanjut, lihat Othman bin Ibrahim, 'Pendudukan Jepun di Pulau Pinang, 1941-1945', hlm. 6.

⁸⁵ Temubual dengan Tan Boon Teng (陈文德) di Miri pada 21 hingga 23 Mac 1997. Maklumat ini juga boleh diperolehi dalam *The Sarawak Gazette*, 6 Ogos 1949, hlm. 194.

⁸⁶ Temubual dengan Tan Boon Teng di Miri pada 21 hingga 23 Mac 1997. Lihat juga *Sarawak Annual Report 1948*, hlm. 32. Rampasan beras daripada penduduk tempatan oleh Jepun juga berlaku di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, lihat Tong Jin Chong, 'Pendudukan Jepun di Daerah Kuala Pilah, 1942-1945', hlm. 49. Pengambilan beras oleh tentera Jepun juga berlaku di Kelantan, lihat Mohd. Saufi bin Haji Idris, 'Keadaan Ekonomi di Kelantan, 1941-1943', hlm. 43.

⁸⁷ Temubual dengan Tan Boon Teng di Miri pada 21 hingga 23 Mac 1997.

⁸⁸ Temubual dengan Tan Boon Teng di Miri pada 21 hingga 23 Mac 1997. Keadaan yang sama juga berlaku di Kedah, Johor, Perak, Pulau Langkawi, Sabah dan Negeri Sembilan. Untuk Kedah, lihat Amer bin Ahmad, 'Pengalaman Kedah di bawah Pendudukan Jepun, 1941-1943', hlm. 42-43. Lihat juga Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1941-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, hlm. 108-109. Untuk Johor, lihat Zanariah Abu Bakar, 'Pendudukan Jepun di Muar, Johor 1941-1945', hlm. 51. Untuk Perak, lihat Noor Azmi Razali, 'Sejarah Pendudukan Jepun di Mukim Sungkai, Perak, 1942-1945', hlm. 43-44. Untuk Pulau Langkawi, lihat Ismail bin Ibrahim, 'Zaman Jepun di Pulau Langkawi 1941-1945', hlm. 87. Untuk Sabah, lihat James Eng @ James Mohamad Alin, 'Pendudukan Jepun di Sabah (Borneo Utara), 1942-1945', hlm. 34-37. Bagi Negeri Sembilan, rujuk Tong Jin Chong, 'Pendudukan Jepun di Daerah Kuala Pilah, 1942-1945', hlm. 77-78. Begitu juga keadaan penduduk di Kuala Besut, Terengganu semasa pendudukan Jepun. Lihat Zaimah Bt. Che Razali, 'Masyarakat Kuala Besut semasa Pendudukan Jepun', hlm. 32. Pentadbiran tentera Jepun juga mengarahkan mempelajari bahasa Jepun di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Untuk maklumat lanjut, lihat Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu, 1942-1945: Pentadbiran Jepun dan Thai", hlm. 61. Huruf dan bahasa Jepun diajar kepada penduduk Tanah Melayu, lihat *Fajar Asia*, Kugatsu 2603 (September 1943), hlm. 385; Juichigatsu 2603 (November 1943), hlm. 421.

⁸⁹ Temubual dengan Tan Boon Teng di Miri pada 21 hingga 23 Mac 1997.

⁹⁰ Temubual dengan Fang Seng Ching dan Hii Poh Kui (许宝贵) pada 19 serta 20 Mac 1997 di Marudi. Maklumat ini juga boleh diperolehi dalam *See Hua Daily News*, 1 Januari 1997, hlm. 8.

⁹¹ Temubual dengan Fang Seng Ching dan Hii Poh Kui pada 19 serta 20 Mac 1997 di Marudi. Penutupan kedai juga berlaku di Kedah dalam zaman pendudukan Jepun. Kesempatan telah digunakan oleh pencuri untuk memecah masuk ke kedai dan mencuri barang-barang di kedai tersebut. Lihat Amer bin Ahmad, 'Pengalaman Kedah di bawah Pendudukan Jepun, 1941-1943', hlm. 19. Perkara yang sama juga dinyatakan dalam Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, hlm. 100-101. Keadaan yang sama juga berlaku di Sabah, rujuk James Eng @ James Mohamad Alin, 'Pendudukan Jepun di Sabah (Borneo Utara), 1942-1945', hlm. 27. Begitu juga dengan keadaan di Mukim Sungkai, Perak. Lihat Noor Azmi Razali, 'Sejarah Pendudukan Jepun di Mukim Sungkai, Perak, 1942-1945', hlm. 45. Untuk Kuala Besut, Terengganu, lihat Zaimah Bt. Che Razali, 'Masyarakat Kuala Besut semasa Pendudukan Jepun', hlm. 35.

⁹² Kesukaran mendapatkan barang-barang keperluan pada zaman pendudukan Jepun ada dinyatakan dalam Yoji Akashi, "Japanese Policy Towards the Malayan Chinese 1941-1945", hlm. 81. Penduduk di Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan juga menghadapi masalah dalam mendapatkan barang-barang keperluan harian semasa pendudukan Jepun. Lihat Tong Jin Chong, 'Pendudukan Jepun di Daerah Kuala Pilah 1942-1945', hlm. 51. Begitu juga keadaan di Kuala Besut, Terengganu, lihat Zaimah Bt. Che Razali, 'Masyarakat Kuala Besut semasa Pendudukan Jepun', hlm. 35. Bagi Pulau Langkawi, lihat Ismail bin Ibrahim, 'Zaman Jepun di Pulau Langkawi 1941-1945', hlm. 25.

⁹³ Keadaan yang serupa juga berlaku di Tanah Melayu seperti di Mukim Sungkai, Perak dan Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Untuk Mukim Sungkai, lihat Noor Azmi Razali, 'Sejarah Pendudukan

Jepun di Mukim Sungkai, Perak, 1942-1945', hlm. 32. Bagi Kuala Pilah, Negeri Sembilan, rujuk Tong Jin Chong, 'Pendudukan Jepun di Daerah Kuala Pilah, 1942-1945', hlm. 49.

⁹⁴ Temubual dengan Fang Seng Ching dan Hii Poh Kui di Marudi pada 19 serta 20 Mac 1997.

⁹⁵ Tinjauan dan temubual dengan penduduk tempatan di Sarikei pada 13 Mac 1997. Keadaan kekurangan kain juga berlaku di Kedah, Selangor, Kelantan, Johor, Pulau Langkawi dan Sabah. Kekurangan kain di Tanah Melayu ada dinyatakan dalam Haji Buyong Adil, *Sejarah Selangor*, hlm. 165. Rujuk juga Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, hlm. 84 dan 100. Untuk Kedah, lihat Amer bin Ahmad, 'Pengalaman Kedah di bawah Pendudukan Jepun, 1941-1943', hlm. 32-33. Untuk Selangor, lihat Rohana Ahmad Nor, 'Pendudukan Jepun di Selangor 1941-1945: Aspek Sosial dan Ekonomi', hlm. 74. Untuk Kelantan, lihat Mohd. Nawi Abdullah, 'Pendudukan Jepun di Kota Bharu, Kelantan dan Peranannya sebagai Pusat Pentadbiran (1941-1945)', hlm. 54. Bagi keadaan di Johor, rujuk Zanariah Abu Bakar, 'Pendudukan Jepun di Muar, Johor 1941-1945', hlm. 45-46. Untuk Pulau Langkawi, lihat Ismail bin Ibrahim, 'Zaman Jepun di Pulau Langkawi 1941-1945', hlm. 65. Bagi Sabah pula, lihat James Eng @ James Mohamad Alin, 'Pendudukan Jepun di Sabah (Borneo Utara), 1942-1945', hlm. 31-32.

⁹⁶ Temubual dengan penduduk Sarikei pada 13 Mac 1997.

⁹⁷ *The Sarawak Gazette*, 30 April 1970, hlm. 75.

⁹⁸ *Ibid.*, hlm. 76.

⁹⁹ Tinjauan di sekitar Kanowit pada 27 Mac 1997. Maklumat tersebut juga boleh diperolehi dalam *The Sarawak Gazette*, 30 April 1970, hlm. 75-76.

¹⁰⁰ Sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu turut ditutup pada peringkat awal kedatangan pihak Jepun. Walaupun sebahagian daripada sekolah Cina dibuka semula kemudiannya tetapi tidak dibenarkan mengajar bahasa Cina. Keterangan lanjut, sila lihat Yoji Akashi, 'Japanese Policy Towards the Malayan Chinese 1941-1945', hlm. 83-85. Untuk penutupan sekolah Cina di Kota Bharu, Kelantan, lihat Mohd. Nawi Abdullah, 'Pendudukan Jepun di Kota Bharu, Kelantan dan Peranannya sebagai Pusat Pentadbiran (1941-1945)', hlm. 44. Bagi Pulau Langkawi, lihat Ismail bin Ibrahim, 'Zaman Jepun di Pulau Langkawi 1941-1945', hlm. 87.

¹⁰¹ Di Pulau Pinang, pihak Jepun telah memperkenalkan 39 jenis cukai baru sehingga Julai 1945. Lihat Othman bin Ibrahim, 'Pendudukan Jepun di Pulau Pinang, 1941-1945', hlm. 43. Penduduk di Sabah juga dikenakan cukai kepala, lihat James Eng @ James Mohamad Alin, 'Pendudukan Jepun di Sabah (Borneo Utara), 1942-1945', hlm. 28. Begitu juga cukai dikenakan secara paksa ke atas penduduk Selangor, lihat Rohana Ahmad Nor, 'Pendudukan Jepun di Selangor 1941-1945: Aspek Sosial dan Ekonomi', hlm. 60.

¹⁰² *The Sarawak Gazette*, 30 April 1970, hlm. 76.

¹⁰³ *Ibid.* Maklumat lengkap tentang risalah tersebut, lihat Lampiran 11.

¹⁰⁴ *The Sarawak Gazette*, 30 April 1970, hlm. 76-77.

¹⁰⁵ Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 30.

¹⁰⁶ Penubuhan *Ken Sanjikai* adalah melalui pengaruh *Shiseikan* (Perwakilan) Setno Yamada, seorang pemuda lulusan Universiti Oxford yang dihantar ke Borneo dalam tahun 1943 bagi mengetuai bahagian penyelidikan tentera ke-37. Lihat Bob Reece, *Datu Bandar*, hlm. 76. Di Tanah Melayu, Majlis Penasihat yang serupa ditubuhkan di setiap negeri oleh Jepun. Ia mula-mula ditubuhkan di Singapura pada 7 Junigatsu (7 Disember) 1943, kemudian di Johor pada 8 Junigatsu (8 Disember) 1943 dan Selangor pada 9 Junigatsu (9 Disember) 1943. Untuk maklumat lanjut dan senarai nama ahli majlis itu, rujuk *Fajar Asia*, Junigatsu 2603 (Disember 1943), hlm. 491. Lihat juga *Fajar Asia*, Junigatsu 2603 (Disember 1943), hlm. 490.

¹⁰⁷ Dilahirkan pada tahun 1896 di Kuching. Cucu kepada Kapitan Ong Ewe Hai dan anak kepada Kapitan Ong Tiang Swee. Beliau kemudian menggantikan bapanya sebagai ketua komuniti Cina di Kuching. Pernah menjadi Pengerusi Persatuan Hokkien di Kuching dari tahun 1948 hingga 1958 dan Persatuan Saudagar-saudagar Cina Sarawak. Lee Kam Hing & Chow Mun Seong, *Biographical Dictionary of the Chinese in Malaysia*, hlm. 136. Craig A. Lockard, 'The Southeast Asian Town in Historical Perspective: A Social History of Kuching, Malaysia, 1820-1970', hlm. 211.

¹⁰⁸ Mereka yang diberi hak bertindak sebagai ahli istimewa dalam badan itu selain daripada Ong

Tiang Swee, Ong Kuan Hin dan Lee Wing Thong termasuklah Datu Amar Abang Sulaiman, Datu Pahlawan Abang Haji Mustapha Haji Moasili, Abang Openg, Tuanku Bujang bin Tuanku Osman, Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, Charles Mason dan Philip Jitam. Ahli-ahli Melayu ada dinyatakan juga dalam Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 30. Lihat juga Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 38-39.

¹⁰⁹ Haji Sami Bin Nor, *Perjuangan Politik*, (Kuching, 1994), hlm. 26.

¹¹⁰ Pertubuhan seperti itu dibenarkan oleh Jepun di Asia. Contohnya, di Singapura pada 11 Juichigatsu (11 November) 1943 telah tertubuhnya Persatuan Kebajikan Melayu Syonan. *Fajar Asia*, Junigatsu 2603 (Disember 1943), hlm. 490.

¹¹¹ Persatuan Orang Cina Seberang Laut juga ditubuhkan di Singapura (Syonan Overseas Chinese Association). Ia menguruskan semua hal mengenai komuniti Cina sejak Singapura diduduki oleh pihak Jepun pada awal tahun 1942 tetapi telah dibubarkan oleh pihak Jepun pada 23 Ogos 1945. Keterangan lanjut, sila lihat *The Syonan Sinbun*, 24 Ogos 2605 (1945), hlm. 2.

¹¹² PKMS ditubuhkan pada 10 Oktober 1939 dan mesyuarat pertama diadakan di Darul Kurma Kuching pada 13 Januari 1940. Pemimpin persatuan yang pertama ialah Y.B. Datuk Amar Abang Sulaiman dan timbalannya ialah Tuan Haji Abdul Rahman Haji Kassim, Tuan Haji Ali bin Hussein dan Tuan Haji Kawi bin Saed. Penubuhan persatuan ini sebenarnya mendapat tentangan hebat daripada golongan aristokrat. Tetapi hasil tolak ansur golongan muda dan aristokrat maka PKMS telah ditubuhkan. Kegiatan PKMS telah diharamkan semasa pendudukan Jepun di Sarawak. Kemunculan semula selepas Pendudukan Jepun merupakan satu perkembangan yang amat penting kerana PKMS yang memimpin gerakan anti-penyerahan di Sarawak. Mereka mahu Sarawak menjadi negeri merdeka di bawah pemerintahan Raja Brooke kerana penyerahan menandakan penghapusan keunggulan politik orang Melayu di bawah pemerintahan Brooke. Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 30-34 dan 125-131. Rujuk juga *See Hua Daily News*, 19 September 1996, hlm. 8.

¹¹³ Ini kerana pihak Jepun tidak yakin dengan kesetiaan orang Melayu yang dahulunya diberi hak istimewa oleh pemerintahan Brooke. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 144. Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 39. Lihat juga Haji Sami Bin Nor, *Perjuangan Politik*, hlm. 25. Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966*, hlm. 30.

¹¹⁴ Polisi Jepun terhadap orang Cina di Tanah Melayu dapat dilihat melalui penjelasan Mejar Jeneral Fujimura bahawa "as long as they co-operate with the Gunsei (Pentadbiran Tentera Jepun), they will be allowed to make full use of the strong position they hold in the economic sphere and their spirit of service." *The Syonan Sinbun*, 2 Julai 2603 (1943), hlm. 2.

¹¹⁵ Di Tanah Melayu, langkah membersihkan orang Cina anti-Jepun bermula di Singapura pada 2 Februari 1941. Kemudian diperluaskan ke seluruh Tanah Melayu pada awal Mac 1941. Di Kedah, operasi *sook ching* berlaku di Bakar Kapur, Sungai Petani pada bulan Februari 1942. Mangsa-mangsa dikumpulkan dari daerah Gurun, Bedong, Semeling dan kawasan sekitarnya. Mereka disuruh mengorek lubang kubur terlebih dahulu sebelum dibunuh dan ditanam di situ. Jumlah mangsa pembunuhan itu dianggarkan seramai 136 orang. Lihat Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, hlm. 102. Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 23. Operasi "menyapu bersih" orang Cina di Selangor, lihat Rohana Ahmad Nor, 'Pendudukan Jepun di Selangor 1941-1945: Aspek Sosial dan Ekonomi', hlm. 67. Untuk Perak, lihat Noor Azmi Razali, 'Sejarah Pendudukan Jepun di Mukim Sungkai, Perak, 1942-1945', hlm. 66-67. Untuk Pulau Pinang, rujuk Othman bin Ibrahim, 'Pendudukan Jepun di Pulau Pinang 1941-1945', hlm. 18 dan 61. Untuk Negeri Sembilan, lihat Tong Jin Chong, 'Pendudukan Jepun di Daerah Kuala Pilah 1942-1945', hlm. 27. Menurut laporan selepas perang dianggarkan seramai kira-kira 5,000 hingga 10,000 orang Cina yang menjadi mangsa operasi *sook ching* di Tanah Melayu. Lihat Yoji Akashi, "Japanese Policy Towards the Malayan Chinese 1941-1945", hlm. 68.

¹¹⁶ Yoji Akashi, "Japanese Policy Towards the Malayan Chinese 1941-1945", hlm. 67-68.

¹¹⁷ R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 156. Maklumat lanjut tentang Khan Ah Chong, sila rujuk R.H.W. Reece, 'The Cession of Sarawak to the British Crown in 1946', Ph.D. Thesis, Australian National University, Canberra, 1977, hlm. 218. Lee Kam Hing & Chow Mun Seong,

Biographical Dictionary of the Chinese in Malaysia, hlm. 57.

¹¹⁸ Tindakan Ngu itu dianggap satu kegiatan anti-Jepun. Pada masa itu tentera Jepun di Sibu adalah di bawah pimpinan Sase Yoriynki. *The Sarawak Tribune*, 15 Ogos 1946, hlm. 6. Selain Sarawak, pihak Jepun juga melakukan kekejaman yang sama di kawasan lain di bawah taklukannya. Kekejaman Jepun di Ipoh terhadap seorang Cina yang disyaki komunis telah ditembak dan ditanam oleh pihak tentera Jepun. Lihat *China Press*, 8 Mei 1946, hlm. 3. Untuk kekejaman pihak Jepun terhadap orang Cina di Gemas, sila rujuk *The Malay Mail*, 31 Disember 1946, hlm. 3.

¹¹⁹ Sibu Chiang Chuan Association, *The Fiftieth Anniversary of the Sibu Chiang Chuan Association, 1937-1987*, hlm. 49. Temubual dengan Penghulu Tang Chong Mui di Sibu pada 5 Mac 1997.

¹²⁰ Kapitan Chew Geok Ling dilahirkan di Pulau Pinang pada 16 April 1904. Beliau adalah Kapitan Cina yang ketiga di Sibu. Beliau telah membuka Wah Tat Bank di Sibu pada tahun 1929. Pada tahun 1937, beliau telah menubuhkan Rumah Tumpangan Chiang Chuan. Beliau juga menjadi Pengerusi Dewan Perniagaan Cina Sibu sejak tahun 1946 sehingga kematiannya pada tahun 1965.

¹²¹ Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), hlm. 116. *Sarawak Annual Report 1947*, hlm. 2. R. H. W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 148. Sementara itu di Tanah Melayu pula sekolah-sekolah umum di bandar dibuka semula dan institusi-institusi lain telah dibentuk untuk menanam perasaan cinta kepada negara Jepun di kalangan penduduk. Lihat *Malai Sinpo*, 15 Februari 2604 (1944), hlm. 2.

¹²² *Fajar Asia*, 10 Sangatsu 2604 (10 Mac 1944), hlm. 45-47. Menjelang tahun 1944, Jepun menjalankan polisi menambahkan pengeluaran bahan makanan kerana kawasan taklukannya menghadapi masalah kekurangan makanan. Jepun mendakwa tindakan mereka adalah untuk menstabilkan kehidupan penduduk dan memupuk semangat kerjasama di kalangan penduduk. Untuk polisi Jepun itu, lihat *Malai Sinpo*, 3 Mei 2603 (1943), hlm. 2; 21 Jun 2603 (1943), hlm. 1; 4 Jun 2604 (1944), hlm. 1; 18 Jun 2604 (1944), hlm. 1-2. Rujuk juga *The Syonan Times*, 8 Oktober 2602 (1942), hlm. 2. Di Tanah Melayu, hutan dan tanah kosong telah diusahakan menjadi tanah pertanian. Lihat *Fajar Asia*, Kugatsu 2603 (September 1943), hlm. 359. Di daerah Rembau, Negeri Sembilan, dengan bantuan Persatuan Orang Cina Seberang Laut, beribu-ribu orang Cina telah dihantar untuk membuka hutan rimba bagi menanam bahan makanan dan sayur-sayuran. *Fajar Asia*, Junigatsu 2603 (Disember 1943), hlm. 490. Polisi Jepun ini telah mendapat sokongan daripada sultan-sultan Melayu. Mereka berjanji menjadi pemimpin dalam penanaman makanan. Lihat *Malai Sinpo*, 4 Jun 2604 (1944), hlm. 2.

¹²³ Berdasarkan kepada tinjauan dan penyelidikan didapati keadaan tersebut bukan sahaja berlaku di Kuching tetapi juga di Kapit, Lawas, Miri, Limbang dan hampir keseluruhan Sarawak.

¹²⁴ Ini sebenarnya tipu muslihat pihak Jepun supaya penduduk tempatan memberi sokongan kepadanya. Tujuan sebenar mereka ialah meluaskan kuasa ke kawasan yang kaya dengan sumber-sumber semulajadi. Tetapi pihak Jepun menegaskan, "Japan is fighting not only for self-defence but also for the lofty moral ideal of emancipating East Asia from Anglo-American aggression..." Ini juga dapat dilihat melalui kata-kata T. Imano, Menteri Propaganda di Selangor seperti "Sincere Co-Operation", "Freedom for Asians" dan lain-lain. Maklumat lanjut tentang objektif Jepun terlibat dalam perang, sila lihat *Malai Sinpo*, 6 Julai 2603 (1943), hlm. 2; 9 Ogos 2603 (1943), hlm. 1; 24 Januari 2604 (1944), hlm. 2. Rujuk juga *The Syonan Sinbun*, 8 Disember 2602 (1942), hlm. 2; 10 Disember 2602 (1942), hlm. 1.

¹²⁵ Singapura dan Selangor dikehendaki membayar \$10 juta; Perak \$8.5 juta; Pulau Pinang \$7.5 juta; Melaka \$5.5 juta; Johor \$5 juta; Negeri Sembilan \$2 juta; Kedah dan Perlis \$1 juta; Pahang \$0.5 juta; Kelantan \$0.3 juta dan Terengganu \$0.2 juta. Keterangan lanjut, lihat Yoji Akashi, "Japanese Policy Towards the Malayan Chinese 1941-1945", hlm. 70-73. Lihat juga Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 24. Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)*, hlm. 102-103. Dalam artikel Yoji Akashi, beliau telah memberi gambaran yang jelas bagaimana orang Cina bermati-matian mengumpul wang tersebut. Terdapat sumber yang menyatakan jumlah sebenar wang penebus dosa ialah \$75 juta. Di antaranya orang Cina dipaksa membayar sebanyak \$50 juta dan orang India sebanyak \$25 juta. Lihat *Min Sheng Pau Press*, 22 September 1945, hlm. 2.

- ¹²⁶ R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 141 dan 145.
- ¹²⁷ Pengumuman tentang peraturan cukai kepala yang dikeluarkan oleh Suchio Office pada 1 Sichi-gatsu, 2602 (1 Julai 1942) dalam fail Jap/5 di Muzium Negeri Sarawak.
- ¹²⁸ R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 153.
- ¹²⁹ A.V.M. Horton, "Japanese Occupation", *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia (Cawangan Sarawak)*, Disember 1976, hlm. 13.
- ¹³⁰ *The Sarawak Gazette*, 7 September 1949, hlm. 218.
- ¹³¹ Pembentukan kawasan Lingkungan tersebut bukan sahaja bertujuan untuk mewujudkan kestabilan dan keamanan di Asia Timur tetapi juga sebagai sebahagian daripada rancangan melindungi Asia Timur daripada eksploitasi Britain dan Amerika Syarikat. Maklumat lanjut tentang Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya, sila lihat A. Ghapa Harun dan Rupawan Ahmad, "Imperialisme Jepun dan Konsep Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya", *Jebat*, No. 24, 1996, hlm. 14-15. Lihat juga *The Syonan Shinbun*, 8 Disember 2602 (1942), hlm. 1. *Fajar Asia*, Sichi-gatsu 2603 (Julai 1943), hlm. 300; Hachigatsu 2603 (Ogos 1943), hlm. 351-352. Asal usul terbitnya cita-cita membina Lingkungan Kesemakmuran Asia Timur Raya telah lahir sejak zaman pemerintahan Meiji. Kemudian setelah Jepun mencapai kejayaan dalam Perang Jepun-Rusia pada tahun 1905, cita-cita itu dihidupkan dengan berkobar-kobar. Lihat *Fajar Asia*, 15 Gogatsu 2603 (15 Mei 1943), hlm. 206.
- ¹³² Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1967), hlm. 265.
- ¹³³ Khoo Peng Loong (Datuk) dilahirkan di Medan, Sumatra pada 23 Februari 1904. Beliau merupakan wakil orang Cina di Bahagian Ketiga. Beliau dilantik menjadi ahli Majlis Negri pada tahun 1949 hingga 1959 dan ahli Majlis Tertinggi di antara tahun 1957 hingga 1959. Beliau pernah dipilih menjadi Pengerusi SUDC dari 1 Julai 1963 sehingga 30 Jun 1972 menggantikan Kong Sung Seng. Khoo pernah dianugerah sebagai pegawai paling cemerlang dalam empayar British oleh Ratu Elizabeth dalam tahun 1959. Sehingga hari ini, di bandar Sibu terdapat sebatang jalan yang dinamakan sempena nama Datuk Khoo Peng Loong. Lihat *The Borneo Bulletin*, 10 Januari 1959, hlm. 11. *Sarawak Who's Who*, (Sarawak: Information Department, 1963), hlm. 11.
- ¹³⁴ Di Tanah Melayu, selepas Jepun menyerah kalah, penangkapan dilakukan terhadap mereka yang pernah membantu pihak Jepun atau berpakat dengan Jepun sepanjang pendudukan mereka di situ. *Min Sheng Pau Press*, 6 Oktober 1945, hlm. 2; 12 Oktober 1945, hlm. 1.
- ¹³⁵ R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 153 dan 156.
- ¹³⁶ Penaklukan Manchuria oleh pihak Jepun, lihat *Malai Sinpo*, 16 September 2603 (1943), hlm. 2; 20 September 2603 (1943), hlm. 2.
- ¹³⁷ Chiang Kai-shek dilahirkan pada 31 Oktober 1887 di sebuah kampung kecil, Chikow di selatan China. Nama asalnya ialah Chiang Jui-tai. Keluarganya berharap beliau dapat lulus peperiksaan Perkhidmatan Awam dan menjadi kakitangan kerajaan. Tetapi beliau kemudian menjadi ahli revolusi dan pengikut kepada Dr. Sun Yat-sen. Keterangan lanjut, sila rujuk Cornelia Spencer, *Chiang Kai-shek: Generalissimo of Nationalist China*, (New York: The John Day Company, 1968), hlm. 13-27.
- ¹³⁸ R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 158. Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 43-44.
- ¹³⁹ Poster-poster yang berwarna-warni datang dari Singapura dan Hong Kong telah memuji dan mengagung-agungkan Chiang Kai-shek yang telah berjaya memimpin angkatan tenteranya mengalahkan tentera Jepun. Ini telah dapat membantu memupuk semangat patriotik orang Cina Sarawak terhadap Negara China.
- ¹⁴⁰ Niew Shong Tong & Tien Ing Seng, *Kajian Mengenai Masyarakat Cina Sarawak*, hlm. 196. Rujuk juga *Radio Times of Sarawak*, Programmes from 19 May to 1 June 1957, Vol. 3, No. 11, hlm. 30; Programmes from 27 July to 9 August 1958, Vol. 4, No. 16, hlm. 33. *The Sarawak Gazette*, 1 Februari 1947, hlm. 22.
- ¹⁴¹ R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 159. R.H.W. Reece, 'The Cession of Sarawak to the British Crown in 1946', hlm. 218. Ia juga diraikan oleh orang Cina di Singapura dan Dewan Perniagaan Cina Singapura. Maka, boleh dikatakan orang Cina di Singapura dan kawasan lain turut berasa megah dengan Negara China. Lihat *The Straits Times*, 11 September 1945, hlm. 1; 11 Oktober

1945, hlm. 3 *Nanyang Siang Pau*, 1 Januari 1946, hlm. 1. *Min Sheng Pau Press*, 12 Oktober 1945, hlm. 2

¹⁴² R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 159. Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 44-45. Lihat juga *Chung Wha Journal*, 27 Januari 1950, hlm. 4.

¹⁴³ Kebanyakan ahli-ahlinya terdiri daripada pemuda-pemuda Cina lulusan sekolah menengah. Mereka menuntut perwakilan Cina yang lebih dan berdasarkan sistem demokrasi berbanding dengan sistem pemerintahan mutlak di bawah pentadbiran Brooke. Mereka juga mengambil berat tentang soal-soal yang melibatkan kepentingan orang Cina seperti soal kerakyatan dan kedudukan sekolah-sekolah Cina di Sarawak. Kumpulan ini percaya bahawa tujuan mereka akan tercapai di bawah kerajaan kolonial. Oleh itu kumpulan ini menyokong penyerahan Sarawak kepada British. Lihat R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 157.

¹⁴⁴ Bagi Kuching dan Binatang, sila lihat *The Sarawak Government Gazette*, 1 Jun 1946, hlm. 38; untuk Bau, lihat *The Sarawak Government Gazette*, 16 Mei 1946, hlm. 17; untuk Batu 10 Penrissen Road, lihat *The Sarawak Government Gazette*, 17 Jun 1946, hlm. 54 dan bagi Batu Kawa, lihat *The Sarawak Government Gazette*, 1 Oktober 1946, hlm. 114.

¹⁴⁵ *The Sarawak Government Gazette*, 1 Jun 1946, hlm. 37; 16 Disember 1949, hlm. 609. Kho Chong Soo (ed.), *The British Borneo Year Book*, Vol. 1, hlm. 35 dan 68.

¹⁴⁶ "The consulate now becomes the authorized and recognized official body representing the Chinese community as a whole." Lihat *The Sarawak Tribune*, 28 April 1947, hlm. 1; 9 Ogos 1947, hlm. 1; 20 Januari 1948, hlm. 2; 9 Mac 1948, hlm. 1; 7 Januari 1949, hlm. 2. Lihat juga John M. Chin, *The Sarawak Chinese*, hlm. 112-113. Michael Beckett Leigh, 'The Development of Political Organization and Leadership in Sarawak, East Malaysia', Ph.D. Thesis, Cornell University, 1971, hlm. 11.

¹⁴⁷ Keadaan yang sama juga berlaku di Tanah Melayu sehingga membawa kepada pergaduhan kaum. Di Muar dan Batu Pahat, Johor, dianggarkan seramai 400 orang telah terkorban dalam pergaduhan antara orang Cina dan Melayu pada 21 Ogos 1945. Banyak rumah dan harta benda turut musnah sama sekali. Pada 6 November 1945, perkelahian antara orang Melayu dan Cina tercetus di Padang Lebar, Negeri Sembilan. Seramai 40 orang terbunuh dalam perkelahian itu. Di daerah Raub, Pahang pula 50 orang terbunuh dalam perkelahian antara kaum pada 2 Mac 1945 dan 72 orang terkorban dalam pergaduhan yang sama di Bekor, Sungai Perak. Manakala peristiwa yang sama berlaku di Sungai Manik, Perak di antara 15 Ogos hingga 15 September 1945. Ketegangan dan pergaduhan kaum juga dilaporkan berlaku di Melaka, Kedah dan Kelantan pada September dan Oktober 1945. Lihat Pauzi Abu Bakar, 'Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1941-1945: Polisi Jepun dan Gerakan-gerakan Nasionalisma', hlm. 96. Cheah Boon Kheng, *Komrad Bertopeng: Suatu Kajian Mengenai Barisan Bersatu Komunis di Tanah Melayu 1945-1948*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982), hlm. 9. Untuk maklumat lanjut tentang pergaduhan kaum di Tanah Melayu, rujuk Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, hlm. 196-240. Pergaduhan kaum juga ada disebut dalam A.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics during the Malayan Union Experiment, 1942-1948*, hlm. 9.

¹⁴⁸ Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-cession Sarawak*, hlm. 45-46. R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 151. *The Sarawak Gazette*, 31 Mac 1957, hlm. 60.

¹⁴⁹ R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 159. Haji Mohammad Hasbie Sulaiman, *Perjuangan Anti-Cession Sarawak*, hlm. 45.

¹⁵⁰ R.H.W. Reece, *The Name of Brooke*, hlm. 151.



Gambar 1: Pejabat Kempetai di Jalan Jawa, Kuching, di mana mereka yang dituduh bersalah disiksa dengan kejamnya oleh tentera Jepun.

Sumber: Muzium Negeri Sarawak, Kuching



Gambar 2: Upacara penyerahan diri tentera Jepun yang diwakili oleh Jeneral Yamamura kepada Brigadier Eastick (kiri) yang mewakili BMA

Sumber: Muzium Negeri Sarawak, Kuching